



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERajaan NEGERI

SELANGOR

TAHUN 2018 SIRI 3

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

**NEGERI SELANGOR
TAHUN 2018
SIRI 3**

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**

KANDUNGAN

KANDUNGAN

**MUKA
SURAT**

PENDAHULUAN

vii

**AKTIVITI JABATAN DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SELANGOR** 1 - 3
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

1. Pembangunan Pelancongan Negeri Selangor

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN) 2 - 3
2. Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd.

PENUTUP 3 - 3

AKRONIM 4 - 3

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor akan memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Selangor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 3 ini hanya meliputi pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat kerajaan, yang mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap aktiviti di satu (1) jabatan dan satu (1) syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan terhadap syarikat kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pelaksanaan pengauditan berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI)*.

3. Pada kebiasaananya, LKAN hanya dibentangkan sebanyak dua (2) siri sahaja bagi setiap tahun. Bagaimanapun untuk LKAN tahun 2018, JAN menerbitkan tiga (3) siri LKAN berikutan dengan penambahan bilangan pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat Kerajaan negeri untuk tahun 2018. Pada asalnya, LKAN Siri 3 ini dijadual untuk dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat pada bulan Mac 2020, dan setelah itu dibentangkan pula dalam sidang Dewan Undangan Negeri. Namun disebabkan oleh penangguhan sidang Dewan Rakyat dan Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19, kerja-kerja pemuktamadan LKAN Siri 3 turut terjejas. Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, namun nilai penemuan audit dan *lessons learnt* yang dilaporkan LKAN Siri 3 ini masih relevan dalam menambah baik pengurusan program/aktiviti kerajaan serta pengurusan syarikat kerajaan.

4. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *Exit Conference* diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 10 syor untuk diambil tindakan oleh jabatan dan syarikat berkenaan.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan negeri. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi membolehkan kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan dan syarikat Kerajaan negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai JAN yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

14 Mei 2020

1

**PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI
SELANGOR**

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

- Pembangunan Pelancongan Negeri Selangor

RINGKASAN EKSEKUTIF

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

PEMBANGUNAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pengurusan pembangunan pelancongan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan April 2019 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program.
- Bagi prestasi program, penilaian dibuat berdasarkan kepada dua (2) perkara, iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome* berhubung program yang dilaksanakan.
- Pengurusan program pula dinilai terhadap tiga (3) perkara iaitu perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti pembangunan pelancongan.
- Pengauditan melibatkan tiga (3) pihak utama iaitu Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB) serta Pihak Berkuasa Tempatan/Agensi Kerajaan yang dipilih.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Berdasarkan Belanjawan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dan Penyata Kewangan Negeri, sejumlah RM25.46 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2016 hingga 2019 bagi pelaksanaan program pembangunan pelancongan.

- Pelancongan antara sektor terpenting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negeri Selangor. Sektor ini mampu menggerakkan perkembangan pelbagai sektor ekonomi lain seperti pembinaan, pengangkutan, perhotelan, pembuatan, makanan, peruncitan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Apa yang ditemui Audit?

- Berdasarkan aktiviti pembangunan pelancongan, iaitu promosi dan acara, projek menaik taraf produk pelancongan serta memajukan kraf tangan telah dilaksanakan dengan memuaskan untuk meningkatkan jumlah pelancong ke negeri Selangor. Selain itu, sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PPSUK) 2013-2017 telah dicapai dengan peningkatan sebanyak 10.9% kedatangan pelancong. Bagaimanapun pada tahun 2018, kedatangan pelancong tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, iaitu hanya 7.23 juta pelancong atau 97.7% berbanding sasaran

ditetapkan seramai 7.4 juta pelancong. Namun begitu, sasaran PPSUK tahun 2018 hingga 2022 dari aspek pendapatan kepada Kerajaan negeri telah tercapai dengan hasil yang dijana pada tahun 2018 berjumlah RM13.428 bilion berbanding RM5.20 bilion yang disasarkan.

- Prestasi Program:
 - aktiviti pembangunan pelancongan telah dilaksanakan dengan memuaskan untuk meningkatkan jumlah pelancong ke negeri Selangor;
 - sasaran yang ditetapkan dalam PPSUK bagi tempoh tahun 2013-2017 telah dicapai dengan peningkatan sebanyak 10.9% kedatangan pelancong. Bagaimanapun, pada tahun 2018 kedatangan pelancong ke negeri Selangor tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, iaitu hanya 7.23 juta pelancong berbanding sasaran sebanyak 7.40 juta pelancong; dan
 - sasaran PPSUK 2018-2022 telah tercapai dengan hasil pendapatan sejumlah RM13.428 bilion dari kedatangan pelancong.
- Wujud kelemahan dalam aspek pengurusan aktiviti pembangunan pelancongan antaranya:
 - berlaku pertindihan peranan yang mana UPEN turut menjalankan aktiviti promosi, iaitu *Familiarisation Tour* yang sepatutnya dikendalikan oleh TSSB;
 - tiada perjanjian dibuat antara TSSB dan peserta pada peringkat awal program Hos Komuniti Selangor. Seramai sembilan (9) peserta telah menarik diri menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian sebanyak RM119,490 kerana kos bagi setiap orang untuk menyertai kursus tersebut adalah RM13,276;
 - operasi Kaunter Informasi Pelancongan (TIC) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah ditutup bermula pada 1 Julai 2018 menyebabkan peralatan TIC yang ditanggalkan tidak digunakan serta disimpan dalam stor selama 11 bulan; dan
 - dua (2) projek menaik taraf produk pelancongan melibatkan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) lewat disiapkan antara 17 hingga 128 hari berbanding tarikh yang ditetapkan. Selain itu, satu (1) projek menaik taraf Rumah Rehat Sri Berkat di bawah seliaan TSSB masih belum dilaksanakan.

- Berlaku kelemahan dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan antaranya:
 - pemantauan terhadap produk pelancongan, iaitu *Ampang Look Out Point* (ALOP) dan Kolam Air Panas di Batu 16, Dusun Tua, Hulu Langat tidak dibuat dengan berkesan. Selain itu, kemudahan awam yang disediakan di Kolam Air Panas di Batu 16, Dusun Tua, Hulu Langat tidak digunakan; dan
 - penyenggaraan kemudahan awam di empat (4) produk pelancongan, iaitu Congkak Park & Resort, Rumah Rehat Sri Berkat, Taman Eko Rimba Kanching dan Kolam Air Panas di Batu 16, Dusun Tua, Hulu Langat tidak dibuat dengan berkesan.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

1. PEMBANGUNAN PELANCONGAN NEGERI SELANGOR

FAKTA UTAMA

1998 Program Pembangunan Pelancongan diperkenalkan	RM25.46 Juta Jumlah peruntukan (Tahun 2016 – 2019)	Aktiviti Pembangunan Pelancongan Promosi dan acara, menaik taraf produk serta memajukan kraf tangan.
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	Menetapkan dasar dan hala tuju pembangunan pelancongan di negeri Selangor.	
Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB)/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/Agensi Kerajaan lain.	Melaksanakan program promosi dan acara pelancongan serta menguruskan produk pelancongan di bawah seliaan PBT/jabatan/agensi kerajaan.	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pelancongan merupakan sektor terpenting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negeri Selangor. Sektor ini mampu menggerakkan perkembangan pelbagai sektor ekonomi lain seperti pembinaan, pengangkutan, perhotelan, pembuatan, makanan, peruncitan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Pembangunan industri pelancongan yang lestari dapat menyumbang kepada peningkatan persekitaran fizikal dan sosial yang lebih baik. Ia juga merupakan salah satu strategi dalam memperkasakan ekonomi masyarakat luar bandar dan mengimbangi pertumbuhan bandar dengan wilayah.

1.2. Program Pembangunan Pelancongan Negeri Selangor telah diperkenalkan pada tahun 1998 melalui Pelan Induk Pelancongan (PIP) bagi tempoh tahun 1998 hingga 2020. Bagaimanapun, PIP telah digantikan dengan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PPSUK) bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 dan 2018 hingga 2022. Melalui PPSUK, Kerajaan negeri antara lainnya telah menetapkan perancangan program pelancongan untuk dilaksanakan. PPSUK tahun 2013 hingga 2017 menetapkan program meningkatkan kepelbagaian produk pelancongan serta pembangunan pelancongan negeri. PPSUK tahun 2018 hingga 2022 pula telah memperkenalkan kempen *Discover Selangor, Heart of Malaysia* dengan menyasarkan peningkatan sejumlah 37 juta kedatangan pelancong.

1.3. Secara umumnya, aktiviti pembangunan pelancongan negeri Selangor memberi tumpuan kepada tiga (3) aspek utama, iaitu promosi dan acara pelancongan, menaik taraf produk pelancongan serta memajukan kraf tangan. Melalui PPSUK tahun 2013

hingga 2017, sasaran yang ditetapkan adalah peningkatan 10% kedatangan pelancongan dalam tempoh lima (5) tahun. PPSUK tahun 2018 hingga 2022 pula menyasarkan purata 7.4 juta pelancong setahun mengunjungi negeri Selangor atau 37 juta pelancong dalam tempoh lima (5) tahun.

1.4. Subseksyen Pelancongan, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) bertanggungjawab dalam merangka hala tuju serta memastikan aktiviti pembangunan pelancongan dapat direalisasikan sepenuhnya. Bagi mencapai matlamat yang ditetapkan, pelaksanaan program pembangunan pelancongan dijalankan oleh Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB) yang merupakan syarikat subsidiari di bawah seliaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI). TTSB akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi kerajaan yang lain. UPEN akan menyalurkan *Direct Grant* atau waran kepada TSSB, PBT dan agensi kerajaan lain bagi melaksanakan program promosi serta acara pelancongan, projek menaik taraf produk pelancongan dan memajukan kraf tangan.

1.5. Berdasarkan Belanjawan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dan Penyata Kewangan Negeri, sejumlah RM25.46 juta telah diperuntukkan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019 bagi pelaksanaan program pembangunan pelancongan. Daripada peruntukan yang diluluskan, sejumlah RM22.71 juta (89.2%) telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN PELANCONGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA APRIL 2019

TAHUN	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RM Juta)	PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (%)
2016	7.97	7.93	99.5
2017	6.12	6.09	99.5
2018	6.22	5.47	87.9
2019	5.15	3.22	62.5
JUMLAH	25.46	22.71	89.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada program pembangunan pelancongan telah dilaksanakan secara cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negeri Selangor.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini memberi tumpuan kepada tiga (3) aspek di bawah program pembangunan pelancongan, iaitu promosi dan acara pelancongan, kerja menaik taraf produk pelancongan serta kerja memajukan kraf tangan. Skop pengauditan meliputi dua (2) bidang utama, iaitu prestasi dan pengurusan pembangunan pelancongan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan April 2019. Prestasi program dinilai berdasarkan dua (2) perkara, iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Manakala pengurusan pembangunan pelancongan meliputi aspek pelaksanaan dan pemantauan bagi promosi serta acara pelancongan dan kerja menaik taraf produk pelancongan. Pengauditan dijalankan di SPBT UPEN, TSSB, PBT yang terpilih serta agensi kerajaan lain yang terlibat.

3.2. Pensampelan yang dijalankan oleh pihak Audit meliputi 71 program/projek atau 16.7% daripada keseluruhan 425 program/projek. Bagi promosi dan acara pelancongan, sampel audit meliputi 43 (13.4%) daripada 321 program yang telah dilaksanakan oleh TSSB. Bagi projek menaik taraf produk pelancongan, sebanyak 14 projek (16.1%) daripada 87 projek telah disemak termasuk empat (4) produk pelancongan di bawah seliaan TSSB serta lima (5) PBT terpilih. PBT yang dipilih ialah Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) serta Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS). Pensampelan melalui semakan dokumen bagi memajukan kraf tangan pula meliputi 14 (82.4%) daripada 17 program. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
BILANGAN SAMPEL PENGAUDITAN PROGRAM PEMBANGUNAN PELANCONGAN

AKTIVITI	POPULASI		SAMPEL AUDIT		
	BIL. PROGRAM/ PROJEK	NILAI (RM Juta)	BIL. PROGRAM/ PROJEK	NILAI (RM Juta)	PERATUS (%)
Promosi dan Acara	321	11.76	43	4.39	13.4
Menaik Taraf Produk Pelancongan	87	7.80	14	3.11	16.1
Memajukan Kraf Tangan	17	0.71	14	0.59	82.4
JUMLAH	425	20.27	71	8.09	16.7

Sumber: Jabatan Audit Negara

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan terhadap rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pembangunan pelancongan di negeri Selangor. Analisis terhadap penemuan Audit, temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat turut diadakan

bagi mendapatkan penjelasan lanjut terhadap isu berbangkit. Selain itu, pemeriksaan fizikal turut dijalankan di TSSB, lima (5) PBT terpilih serta agensi kerajaan yang lain.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2019 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Program Pembangunan Pelancongan

i. Pencapaian Output

Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan April 2019, sejumlah 321 aktiviti promosi dan acara telah berjaya dilaksanakan berbanding 142 aktiviti yang dirancang. Bagi kerja menaik taraf produk pelancongan, sasaran bilangan projek tidak ditetapkan namun prestasi perbelanjaan adalah baik iaitu mencapai 93.9% daripada jumlah yang diperuntukkan. Bagi program memajukan kraf tangan, sebanyak 17 aktiviti telah dilaksanakan melibatkan kos berjumlah RM0.71 juta. Bagaimanapun, UPEN tidak menetapkan sasaran bilangan aktiviti dan peruntukan yang dirancang setiap tahun bagi program memajukan kraf tangan.

ii. Pencapaian *Outcome*

Tahap pencapaian *outcome* terhadap objektif pembangunan pelancongan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 telah mencapai sasaran yang ditetapkan dalam PPSUK, iaitu peningkatan 10% kedatangan pelancong. Bagi tempoh lima (5) tahun tersebut, sejumlah 34.49 juta pelancong domestik dan antarabangsa telah datang ke negeri Selangor dengan peratus peningkatan yang dicatatkan pada tahun 2017 berbanding tahun 2013 adalah sebanyak 10.9%. Bagaimanapun, sasaran yang ditetapkan dalam PPSUK tahun 2018 hingga 2022 belum dapat dicapai berdasarkan kedatangan pelancong ke negeri Selangor pada tahun 2018. Bilangan yang disasarkan adalah 7.40 juta orang setahun namun bilangan sebenar pelancong tahun 2018 hanya 7.23 juta orang atau 97.7% berbanding sasaran. Bagaimanapun berdasarkan pengiraan TTSB, sejumlah RM13.428 bilion berjaya dijana pada tahun 2018 bagi kedatangan 7.23 juta pelancong ke negeri Selangor. Prestasi kedatangan pengunjung dan pelancong di lima (5) produk pelancongan yang diaudit pula tidak mencapai

sasaran PPSUK dengan purata kedatangan pengunjung dan pelancong adalah antara -9% hingga 6% berbanding peningkatan 30% yang disasarkan.

b. Pengurusan Program Pembangunan Pelancongan

Terdapat kelemahan dalam aspek pengurusan aktiviti promosi dan acara serta kerja menaik taraf produk pelancongan yang menjelaskan kecekapan pengurusan program pembangunan pelancongan di negeri Selangor secara keseluruhannya.

5.2. Penemuan utama Audit yang diberikan perhatian adalah seperti berikut:

- a. tiada kajian impak dibuat terhadap program memajukan kraf tangan bagi mengukur keberkesanan setiap aktiviti yang telah dijalankan;
- b. berlaku pertindihan peranan yang mana UPEN turut menjalankan aktiviti promosi, iaitu Program *Familiarisation Tour* yang sepatutnya dikendalikan oleh TSSB;
- c. tiada perjanjian dibuat antara TSSB dengan peserta bagi program Hos Komuniti Selangor menyebabkan sembilan (9) atau 30% peserta telah menarik diri dan tidak menamatkan kursus tersebut;
- d. operasi Kaunter Informasi Pelancongan (TIC) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah ditutup bermula pada 1 Julai 2018 menyebabkan peralatan TIC yang ditanggalkan tidak digunakan serta disimpan dalam stor selama 11 bulan;
- e. dua (2) projek menaik taraf produk pelancongan lewat disiapkan antara 17 hingga 128 hari berbanding tarikh yang ditetapkan manakala satu (1) projek masih belum dilaksanakan; dan
- f. pemantauan terhadap kerja menaik taraf serta penyenggaraan produk pelancongan tidak dibuat dengan berkesan.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui serta maklum balas UPEN telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 13 September 2019 dan maklum balas terkini telah diterima pada

27 April 2020. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Program Pembangunan Pelancongan

6.1.1. Pencapaian Output

a. Aktiviti Promosi dan Acara Pelancongan

- i. Promosi dan acara merupakan aktiviti penting dalam memastikan sektor pelancongan negeri mampu berkembang pesat serta menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke negeri Selangor.
- ii. Bagi tempoh tahun 2016 hingga April 2019, Kerajaan negeri telah menyalurkan sejumlah RM12.60 juta kepada TSSB bagi tujuan promosi dan acara. Dengan peruntukan yang diperoleh, sebanyak 142 aktiviti promosi dan acara pelancongan telah dirancang untuk dilaksanakan. Namun sehingga bulan April 2019, sebanyak 321 aktiviti promosi dan acara telah berjaya dilaksanakan dengan kos berjumlah RM11.76 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI
PROMOSI DAN ACARA BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA APRIL 2019

TAHUN	PERANCANGAN		PELAKSANAAN		PERATUS PELAKSANAAN (%)	
	BIL. PROGRAM	PERUNTUKAN DITERIMA OLEH TSSB (RM Juta)	BIL. PROGRAM	PERUNTUKAN DIBELANJAKAN (RM Juta)	BIL. PROGRAM	PERUNTUKAN DIBELANJAKAN
2016	33	4.71	91	4.53	275.8	96.2
2017	25	3.24	103	3.10	412.0	95.7
2018	68	3.25	104	3.18	152.9	97.8
2019	16	1.40	23	0.95	143.8	67.9
JUMLAH	142	12.60	321	11.76	226.1	93.3

Sumber: TSSB

- iii. Berdasarkan **Jadual 3**, bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan April 2019, aktiviti promosi dan acara telah berjaya dilaksanakan melebihi sasaran, masing-masing sebanyak 91 (275.8%), 103 (412%), 104 (152.9%) dan 23 (143.8%) aktiviti berbanding perancangan. Pelaksanaan aktiviti yang lebih tinggi berbanding perancangan adalah kerana aktiviti promosi dan acara dibuat secara *ad hoc* dan berdasarkan permohonan yang diterima daripada agensi luar dan PBT terlibat.

iv. Semakan Audit mendapati antara aktiviti promosi yang dijalankan termasuklah misi pasaran luar negara dan dalam negara, penganjuran acara pelancongan serta kempen pengiklanan melalui media cetak, elektronik dan media sosial. Antara acara utama yang dilaksanakan oleh TSSB adalah *Malaysian Women Marathon*, Festival Kesenian Orang Asal, Festival Bon Odori dan Raja Muda Royal Regatta Selangor. Penganjuran acara utama yang dilaksanakan oleh TSSB adalah untuk membantu merancakkan industri pelancongan negeri. Selain itu, penganjuran Festival Kesenian Orang Asal dibuat bagi memperkenalkan kepada masyarakat dalam dan luar negara tentang kewujudan pelbagai etnik orang asli di Malaysia. Contoh penganjuran acara adalah seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

GAMBAR 1



Festival Bon Odori
20.08.2018
(Sumber: TSSB)

GAMBAR 2



Festival Kesenian Orang Asal
03.08.2019
(Sumber: TSSB)

v. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati ***tiada kajian impak dijalankan oleh TSSB bagi menilai sama ada outcome terhadap program promosi dalam dan luar negara yang dilaksanakan telah berjaya meningkatkan bilangan pelancong ke negeri Selangor***. Tanpa kajian impak yang berkesan, TSSB tidak dapat menentukan sama ada promosi yang dijalankan di negara terlibat berpotensi untuk menarik rakyat negara tersebut berkunjung ke negeri Selangor.

b. Projek Menaik Taraf Produk Pelancongan

i. Berdasarkan belanjawan Kerajaan negeri, sejumlah RM6.54 juta telah diperuntukkan untuk projek menaik taraf produk pelancongan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019. Ini bagi memastikan keadaan produk pelancongan

di negeri Selangor kondusif untuk dikunjungi serta dapat meningkatkan kedatangan pengunjung.

- ii. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan April 2019, pencapaian projek menaik taraf produk pelancongan adalah baik jika diukur daripada aspek prestasi perbelanjaan. Hal ini kerana sejumlah RM6.14 juta atau 93.9% daripada RM6.54 juta yang diperuntukkan telah dibelanjakan. Perbelanjaan tersebut melibatkan 87 projek yang telah dilaksanakan oleh TSSB, PBT dan agensi kerajaan lain. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4**. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati sasaran bilangan projek setahun tidak ditetapkan manakala peruntukan kewangan tahunan dibuat tanpa perancangan perolehan yang terperinci. Dalam hal ini, pihak UPEN menyalurkan peruntukan berdasarkan permohonan yang diterima daripada TSSB, PBT dan agensi kerajaan di mana kelulusan bergantung kepada persetujuan YB Pengurus Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan baki semasa yang masih ada.

JADUAL 4
PRESTASI PROJEK MENAIK TARAF PRODUK PELANCONGAN SEHINGGA APRIL 2019

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)	BIL. PROJEK
2016	2.31	2.28	98.7	33
2017	1.23	1.22	99.2	22
2018	1.50	1.34	89.3	31
2019	1.50	1.30	86.7	1
JUMLAH	6.54	6.14	93.9	87

Sumber: Penyata Kewangan

c. Program Memajukan Kraf Tangan

- i. Memajukan kraf tangan juga merupakan aktiviti yang dilaksanakan bagi memperkenalkan dan mempelbagaikan produk kraf tangan negeri Selangor di samping membantu meningkatkan taraf ekonomi pengusaha kraf. Terdapat dua (2) program yang dijalankan bagi memajukan industri kraf tangan di negeri Selangor, iaitu Kembara Kraf Selangor dan Bazar Kraf. Kembara Kraf dan Bazar Kraf diperkenalkan pada tahun 2011 merupakan program untuk membangun, mempromosi dan mempelbagaikan keistimewaan produk dan hasil kraf tangan yang melibatkan penyertaan daripada pengusaha kraf negeri Selangor.
- ii. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan April 2019, sebanyak 17 program telah dijalankan oleh UPEN dan PBT bagi memajukan

kraf tangan melibatkan kos sejumlah RM0.71 juta seperti dalam **Jadual 5**. Bagaimanapun, UPEN tidak menetapkan sasaran bilangan aktiviti serta peruntukan bagi program memajukan kraf tangan yang dirancang setiap tahun. Selain itu, ***tiada kajian impak dilaksanakan terhadap program memajukan kraf tangan bagi mengukur keberkesanan setiap aktiviti yang telah dijalankan.***

JADUAL 5
PROGRAM MEMAJUKAN KRAF TANGAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA BULAN APRIL 2019

TAHUN	BIL. PROGRAM	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
2016	5	250,000
2017	6	229,495
2018	3	114,100
2019	3	114,500
JUMLAH	17	708,095

Sumber: UPEN

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 27 April 2020

Tiada kajian impak yang khusus dilaksanakan oleh TSSB bagi menilai *outcome* program promosi dalam dan luar negara. Bagaimanapun, TSSB mengambil inisiatif dengan menggunakan kajian sedia ada, iaitu Kaji Selidik Kedatangan Pelancong (Penginap Hotel) dan Kaji Selidik Kedatangan Pengunjung ke Produk Pelancongan Utama di negeri Selangor sebagai penanda aras bagi menilai hasil promosi dalam dan luar negara.

Bagi menambah baik kaedah kajian, satu cadangan Pembangunan Sistem Statistik Pelancongan dengan kos RM434,000 telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Ke-24 pada 28 Ogos 2019. Berdasarkan kertas cadangan, sistem ini mampu memperkasakan pengurusan statistik pelancongan dari segi pangkalan, pemprosesan dan analisis data serta ketepatan pelaporan.

Bagi projek menaik taraf produk pelancongan, perancangan peruntukan Anggaran Belanja Pembangunan Tahunan dibuat berdasarkan permohonan projek diterima pada tahun sebelumnya. Kaedah perbelanjaan pembangunan dilaksanakan berdasarkan tahun semasa dan bukan berdasarkan perbelanjaan RMK-11. Permohonan peruntukan pada tahun semasa dibawa dan dibincangkan di dalam Bengkel Retreat dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelancongan untuk dipertimbangkan sebelum disyorkan kepada YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap

Pelancongan untuk persetujuan. Selain itu, peruntukan yang disalurkan bergantung kepada permohonan dan baki semasa.

Selain itu, program memajukan kraf tangan UPEN telah menetapkan sasaran bilangan aktiviti serta peruntukan bagi program memajukan kraf tangan yang dirancang setiap tahun, iaitu dua (2) program Bazar Kraf sebanyak dua (2) kali setahun dan Kembara Kraf Selangor sebanyak sekali setahun di dalam Sasaran Kerja Tahunan pada setiap tahun. Selain itu, UPEN juga melaksanakan program pembangunan kraf tangan untuk memberikan latihan pembangunan kepada pengusaha kraf tangan di bawah bimbingan syarikat kraf tangan yang dipilih. UPEN kemudian mengubah kaedah program dengan mengadakan program latihan seperti keusahawanan, ilmu teknologi maklumat dan strategi pemasaran. Perkembangan peserta dipantau selama setahun oleh konsultan yang dilantik pada tahun 2014.

Pada pendapat Audit, pencapaian output program pembangunan pelancongan adalah baik berdasarkan peratusan perbelanjaan yang melebihi 90% bagi aktiviti promosi dan acara pelancongan serta projek menaik taraf produk pelancongan. Kajian impak yang tidak dijalankan pula menyebabkan keberkesanan program/projek tidak dapat diukur.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

a. Pencapaian Objektif Program Pembangunan Pelancongan

- i. PPSUK tahun 2013 hingga 2017 telah menetapkan sasaran peningkatan 10% kedatangan pelancong bagi tempoh tersebut. Manakala PPSUK tahun 2018 hingga 2022 pula telah menyasarkan 37 juta pelancong dengan purata 7.4 juta pelancong setahun melawat negeri Selangor. Selain itu, melalui PPSUK tahun 2018 hingga 2022, Kerajaan negeri menyasarkan sektor pelancongan menyumbang sejumlah RM26 bilion dengan anggaran hasil sebanyak RM5.20 bilion setahun.
- ii. Pengukuran *outcome* terhadap kedatangan pelancong dibuat berdasarkan kepada pengumpulan data dan analisis yang dilaksanakan oleh TSSB sebanyak tiga (3) bulan sekali setiap tahun. Pengumpulan data dibuat dengan mengambil kira pelancong domestik dan luar negara yang menginap di hotel sahaja berpandukan kepada Manual Prosedur Operasi Standard Pengumpulan

dan Analisis Data Sampel Data Kedatangan Pelancong (Penginap Hotel) ke Selangor.

- iii. Berdasarkan Kertas Makluman MMKN pada 19 April 2019, terdapat 410 hotel di negeri Selangor mempunyai lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT serta mendapat penarafan bintang. Sebanyak 134 atau 32.7% hotel telah dipilih sebagai sampel bagi tujuan pengumpulan data. Antara kriteria pemilihan sampel hotel adalah pengurusan data pelancong yang baik serta hotel yang dipilih mempunyai lebih daripada 10 bilik. Bagaimanapun, data tersebut tidak mengambil kira pelancong yang menginap di Inap Dusun, *Homestay* dan *AirBnB* (premis persendirian).
- iv. Semakan Audit terhadap statistik kedatangan pelancong yang disediakan oleh TSSB bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 mendapati sasaran yang ditetapkan, iaitu peningkatan 10% kedatangan pelancong telah dicapai. Bagi tempoh lima (5) tahun tersebut, seramai 34.49 juta pelancong domestik dan antarabangsa telah datang ke negeri Selangor. Jumlah kedatangan pelancong yang direkodkan pada tahun 2017 adalah seramai 7.43 juta orang iaitu meningkat sebanyak 10.9% berbanding 6.7 juta pelancong yang direkodkan pada tahun 2013.
- v. Bagaimanapun, sasaran yang ditetapkan PPSUK tahun 2018 hingga 2022 yang menyasarkan 7.4 juta pelancong setahun tidak dapat dicapai bagi tahun 2018. Hal ini kerana kedatangan pelancong ke negeri Selangor pada tahun 2018 hanya 7.23 juta pelancong atau 97.7% berbanding sasaran ditetapkan. Keadaan ini disebabkan oleh penurunan seramai 300,000 (8.5%) pelancong antarabangsa di negeri Selangor berbanding tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
STATISTIK KEDATANGAN PELANCONG
KE NEGERI SELANGOR BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2018

TAHUN	SASARAN (Juta Orang)	STATISTIK PELANCONG		
		DOMESTIK (Juta Orang)	ANTARABANGSA (Juta Orang)	JUMLAH (Juta Orang)
2013	Peningkatan 10%	3.58	3.12	6.70
2014		3.60	2.47	6.07
2015		3.73	3.28	7.01
2016		4.02	3.26	7.28
2017		3.92	3.51	7.43
JUMLAH		18.85	15.64	34.49
Peningkatan (%)		$[(7.43 \text{ juta} - 6.7 \text{ juta}) / 6.7 \text{ juta} * 100] = 10.9\%$		
2018	7.40	4.02	3.21	7.23
JUMLAH KESELURUHAN		22.87	18.85	41.72

Sumber: TSSB

- vi. Analisis Audit terhadap **Jadual 6** mendapati bagi tempoh tahun 2013 hingga 2018, jumlah kedatangan pelancong ke negeri Selangor adalah 41.72 juta. Daripada jumlah keseluruhan, sejumlah 22.87 juta (54.8%) adalah pelancong domestik manakala 18.85 juta orang (45.2%) merupakan pelancong antarabangsa. Berdasarkan laman web Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), kedatangan pelancong antarabangsa ke negeri Selangor telah menyumbang sebanyak 26.5% daripada keseluruhan 157.42 juta pelancong yang datang ke Malaysia.
- vii. Analisis Audit selanjutnya terhadap statistik kedatangan pelancong antarabangsa bagi 10 negara utama yang disediakan oleh TSSB mendapati negara China mencatatkan kedatangan pelancong tertinggi. Daripada 7.49 juta pelancong asing di negeri Selangor, seramai 2.68 juta atau 35.8% merupakan pelancong dari negara China. Ini diikuti dengan pelancong daripada Singapura dan Indonesia masing-masing seramai 1.59 juta dan 0.73 juta pelancong. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
JUMLAH PELANCONG ANTARABANGSA
KE NEGERI SELANGOR MENGIKUT NEGARA BAGI TEMPOH 2016 HINGGA 2018

BIL.	NEGARA	2016 (Juta)	2017 (Juta)	2018 (Juta)	JUMLAH (Juta)
1.	China	0.82	0.78	1.08	2.68
2.	Singapura	0.78	0.49	0.32	1.59
3.	Indonesia	0.32	0.21	0.20	0.73
4.	India	0.16	0.18	0.17	0.51
5.	Thailand	0.27	0.12	0.09	0.48
6.	Jepun	0.05	0.21	0.18	0.44
7.	Arab Saudi	0.04	0.22	0.09	0.35
8.	Australia	0.08	0.11	0.10	0.29
9.	Korea Selatan	0.04	0.07	0.11	0.22
10.	United Kingdom	0.05	0.09	0.06	0.20
JUMLAH		2.61	2.48	2.40	7.49

Sumber:TSSB

b. Sumbangan Aktiviti Pelancongan Kepada Pendapatan Negeri

- i. Bagi tujuan pengumpulan data perbelanjaan setiap pelancong, TSSB menggunakan kaedah Purata Perbelanjaan Per Kapita. Kaedah tersebut yang turut digunakan oleh Tourism Malaysia melalui penerbitan Laporan Tahunan *Key Performance Indicator* (KPI) merupakan panduan untuk mengukur perbelanjaan bagi setiap perjalanan pelancong. Berdasarkan Laporan KPI, kadar Purata Perbelanjaan Perkapita bagi pelancong antarabangsa dan

domestik adalah sebanyak RM3,257 dan RM733 masing-masing. Antara komponen perbelanjaan yang diukur adalah membeli belah, penginapan, pengangkutan, makanan serta minuman.

- ii. Semakan Audit mendapati kedatangan pelancong memberi kesan secara langsung dalam meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri Selangor melalui cukai membeli belah, cukai penginapan, cukai makanan dan pertukaran mata wang asing. Semakan Audit mendapati sasaran RM5.20 bilion hasil setahun daripada aktiviti pelancongan seperti yang ditetapkan dalam PPSUK tahun 2018 hingga 2022 telah berjaya dicapai. Berdasarkan pengiraan Audit, pada tahun 2018, sejumlah RM13.428 bilion telah diperoleh daripada kedatangan 7.23 juta pelancong antarabangsa dan domestik. Daripada RM13.428 bilion tersebut, pelancong antarabangsa telah menyumbang sejumlah RM10.485 bilion atau 78.1% manakala RM2.943 bilion atau 21.9% disumbangkan oleh pelancong domestik. Semakan Audit juga mendapati walaupun statistik kedatangan pelancong pada tahun 2018 menunjukkan penurunan, namun hasil yang diterima meningkat. Hal ini kerana kadar Purata Perbelanjaan Per Kapita bagi setiap pelancong antarabangsa pada tahun 2018 adalah RM3,257 berbanding hanya RM3,166 pada tahun 2017.

c. Pencapaian Kedatangan Pengunjung ke Produk Pelancongan

- i. Kerajaan negeri telah menggariskan teras strategik dalam PPSUK, antaranya pembangunan infrastruktur fizikal serta kemudahan awam demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat. Sebagai nilai tambah terhadap produk pelancongan sedia ada, projek menaik taraf telah dilaksanakan bagi memberi keselesaan dan kemudahan kepada pengunjung dan pelancong. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017, PPSUK menetapkan sasaran untuk meningkatkan 30% bilangan pengunjung ke produk pelancongan. Sehingga bulan April 2019, terdapat 75 produk pelancongan di negeri Selangor di bawah seliaan PBT, TSSB serta agensi kerajaan yang berkaitan.
- ii. Prestasi kedatangan pengunjung ke produk pelancongan diukur berdasarkan tiket kemasukan yang dijual oleh pengendali/operator. Bagi mengukur prestasi pengunjung, pihak Audit telah membuat semakan terhadap lima (5) produk pelancongan yang memerlukan pengunjung membeli tiket masuk ke produk pelancongan tersebut.
- iii. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, ***prestasi kedatangan pengunjung di lima (5) produk pelancongan yang disemak***

tidak mencapai sasaran seperti ketetapan PPSUK. Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017, purata pencapaian kedatangan pengunjung adalah antara -9% hingga 6%. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
STATISTIK KEDATANGAN PENGUNJUNG
KE PRODUK PELANCONGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2013 HINGGA 2017

BIL.	PRODUK PELANCONGAN	TAHUN	BILANGAN PENGUNJUNG	PERATUS (%) TURUN NAIK	PURATA (%)
1.	Congkak Park & Resort	2013	81,756	TM	3.8
		2014	102,607	25.5	
		2015	147,100	43.4	
		2016	137,137	(6.7)	
		2017	72,584	(47.1)	
2.	Taman Eko Rimba Kanching	2013	142,960	TM	-9
		2014	136,601	(4.45)	
		2015	124,528	(8.84)	
		2016	127,881	2.69	
		2017	95,311	(25.5)	
3.	Rumah Rehat Sri Berkat	2013	1,056	TM	5
		2014	1,269	20.2	
		2015	1,372	8.12	
		2016	1,591	15.9	
		2017	1,205	(24.3)	
4.	Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan	2013	77,212	TM	2
		2014	79,800	3.4	
		2015	84,838	6.3	
		2016	80,136	(5.5)	
		2017	83,110	3.7	
5.	Bukit Melawati	2013	143,724	TM	6
		2014	115,793	(19.4)	
		2015	128,130	10.7	
		2016	129,379	0.9	
		2017	170,662	31.9	

Sumber: TSSB dan MDKS


Nota: TM-Tiada Maklumat

- iv. Analisis Audit terhadap **Jadual 8** mendapati bagi tempoh tersebut, Bukit Melawati mencatatkan peningkatan kedatangan pengunjung tertinggi, iaitu sebanyak 6%, diikuti oleh Rumah Rehat Sri Berkat (RRSB) (5%), Congkak Park & Resort (CPR) (3.8%) serta Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan (2%). Manakala Taman Eko Rimba Kanching pula mencatatkan penurunan dalam kedatangan pengunjung sebanyak 9%.
- v. Semakan Audit mendapati sasaran kedatangan pengunjung tidak dapat dicapai kerana penyenggaraan kemudahan awam di kawasan produk

pelancongan terlibat tidak memuaskan. Selain itu, arahan penutupan sementara CPR oleh Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat pada bulan Februari 2017 selama 14 hari akibat jangkitan penyakit *Leptospirosis* turut mempengaruhi kedatangan pengunjung.

- vi. Pihak Audit mendapati Pejabat Pengurusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna juga telah mengarahkan supaya Taman Eko Rimba Kanching ditutup berkuat kuasa pada 31 Mac 2017. Ini disebabkan oleh kecuaian dan sikap tidak bertanggungjawab pihak pengurusan yang menyebabkan persekitaran di Taman Eko Rimba Kanching tidak disenggarakan dengan memuaskan.
- vii. Bagi menilai tahap kepuasan pengunjung terhadap produk pelancongan, pihak Audit telah membuat analisis terhadap 445 borang kajian kepuasan pelanggan pada tahun 2018 yang disediakan oleh TSSB melibatkan tiga (3) produk pelancongan, iaitu CPR, RRSB dan Taman Eko Rimba Kanching.
- viii. Penilaian dibuat terhadap tiga (3) perkara utama, iaitu kaedah pengunjung mengetahui mengenai kewujudan produk pelancongan, kemudahan yang disediakan serta kebersihan kawasan persekitaran produk pelancongan yang dikunjungi. Berdasarkan analisis yang dibuat, didapati sebanyak 317 atau 71.2% mengetahui tentang kewujudan produk pelancongan melalui rakan manakala 114 atau 25.6% pengunjung mengetahui produk pelancongan tersebut melalui media sosial. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 1**.


CARTA 1
KAEDAH PENGUNJUNG
MENGETAHUI KEWUJUDAN PRODUK PELANCONGAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- ix. Analisis Audit mendapati 88 atau **19.8% pengunjung menyatakan bahawa kemudahan yang disediakan di kawasan produk pelancongan antaranya surau, tandas, bilik persalinan, wakaf dan tempat letak kenderaan adalah cemerlang**. Manakala **144 atau 32.4% pengunjung berpendapat kemudahan yang terdapat di CPR, RRSB dan Taman Eko Rimba Kanching adalah baik**. Namun sebanyak 50 atau 11.2% pengunjung menyatakan kurang memuaskan manakala 27 atau 6.1% pengunjung menyatakan kemudahan yang ada perlu penambahbaikan. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 2**.


CARTA 2
TAHAP KEPUASAN PENGUNJUNG
TERHADAP KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- x. Analisis Audit turut mendapati 156 atau 35.1% pengunjung berpendapat kebersihan di tiga (3) produk pelancongan tersebut adalah baik yang meliputi kawasan persekitaran, tandas dan bilik persalinan, rumah rehat serta surau dan wakaf. Bagaimanapun, 42 atau 9.4% menyatakan tahap kebersihan kurang memuaskan manakala 24 atau 5.4% pengunjung menyatakan tahap kebersihan perlu penambahbaikan. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 3
TAHAP KEPUASAN PENGUNJUNG
TERHADAP KEBERSIHAN DI PRODUK PELANCONGAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- xi. Berdasarkan analisis yang dibuat, secara keseluruhannya tahap kepuasan pengunjung di CPR, RRSB dan Taman Eko Rimba Kanching adalah baik. Namun, pengunjung berpendapat beberapa penambahbaikan perlu dibuat antaranya menyediakan lebih banyak tempat letak kenderaan, penyenggaraan tandas dan wakaf secara berkala serta membaiki laluan pejalan kaki sedia ada.

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 29 Ogos 2019

Pihak TSSB memaklumkan bahawa penurunan kedatangan pelancong antarabangsa bukan sahaja berlaku di peringkat negeri Selangor, namun turut dialami di peringkat Nasional yang mana kedatangan pelancong antarabangsa ke Malaysia juga turut mengalami kejatuhan pada kadar 0.46% pada tahun 2018.

Bagi pencapaian kedatangan pengunjung ke produk pelancongan, TSSB tidak menyasarkan jumlah pengunjung, namun hanya merekodkan jumlah pengunjung bagi tujuan pengumpulan data sahaja. Bagi CPR, penurunan kadar pengunjung disebabkan oleh keadaan kawasan tidak memuaskan, faktor cuaca yang tidak menentu, jangkitan penyakit serta penambahan *chalet* baru di kawasan sekitar. Selain itu, permohonan peruntukan baik pulih tidak diluluskan. Arahan penutupan mulai 17 Februari hingga 3 Mac 2017 disebabkan jangkitan penyakit *Leptospirosis* dan penutupan operasi *chalet* mulai 10 Oktober 2017 hingga kini memberi kesan terhadap kedatangan pengunjung.

Bagi Hutan Lipur Kanching (HLK), penurunan pengunjung disebabkan oleh keadaan kawasan tidak memuaskan serta gangguan haiwan. Selain itu, kerja menaik taraf

kawasan mulai Disember 2016 hingga Ogos 2017 serta penutupan HLK mulai 31 Mac 2017 sehingga 26 April 2017 bagi kerja pembersihan kawasan menyebabkan kadar pengunjung mengalami penurunan.

TSSB hanya menetapkan sasaran jualan bagi RRSB dalam memastikan pencapaian prestasi dapat dicapai.

Pada pendapat Audit, program pembangunan pelancongan telah berjaya mencapai *outcome* yang ditetapkan. Perkara ini dirumus berdasarkan jumlah kedatangan pelancong bagi tahun 2013 hingga 2017 yang telah mencapai peningkatan sebanyak 10.9%. Selain itu, hasil yang dijana daripada kedatangan pelancong pada tahun 2018 yang berjumlah RM13.428 bilion telah berjaya melepas sasaran yang ditetapkan oleh PPSUK sebanyak RM5.20 bilion. Bagaimanapun, kedatangan pelancong ke lima (5) produk pelancongan yang diaudit tidak mencapai sasaran seperti yang ditetapkan, iaitu hanya pada kadar antara -9% hingga 6%.

6.2. Pengurusan Program Pembangunan Pelancongan

6.2.1. Pengurusan Promosi dan Acara Pelancongan

a. Pertindihan Peranan Antara UPEN dan TSSB

- i. Subseksyen Pelancongan, Seksyen PBT, UPEN merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam mengawal selia pengurusan pelancongan. Antara peranan yang dilaksanakan adalah merangka dasar dan hala tuju pembangunan pelancongan; menyelaras peruntukan *standing committee*; membantu dan memantau pelaksanaan program pelancongan.
- ii. TSSB pula merupakan syarikat Kerajaan negeri yang bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti promosi dan acara pelancongan. Antara fungsi utama TSSB adalah merancang, mengurus dan melaksanakan promosi dan acara pelancongan; menyelia produk pelancongan yang dipertanggungjawabkan; mengenal pasti produk pelancongan baru yang berpotensi serta mengadakan kerjasama dengan agensi/pihak lain yang berkaitan dalam program *Familiarisation Tour (Fam Tour)*.

- iii. *Fam Tour* merupakan program melibatkan media, *blogger* tempatan, media *influencer*, *travel agents* operator serta agensi pelancongan dari dalam dan luar negara, dibawa melawat dan merasai sendiri pengalaman sekali gus membantu mempromosi dan menerangkan tentang produk pelancongan.
- iv. Semakan Audit mendapati berlaku pertindihan peranan yang mana UPEN turut menjalankan aktiviti promosi, iaitu *Fam Tour* yang sepatutnya dikendalikan oleh TSSB. Antara aktiviti promosi *Fam Tour* yang dilaksanakan oleh UPEN adalah *Eat Travel Write-Selangor International Culinary Adventure* (ETW) dan Kembara Kraf Selangor.
- v. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, sebanyak tujuh (7) *Fam Tour* telah dilaksanakan oleh UPEN yang melibatkan kos sejumlah RM481,200. *Fam Tour* yang dikendalikan oleh UPEN telah dilaksanakan sepenuhnya secara *outsourcing* oleh pihak ketiga dengan melantik pengamal media. Pelantikan dibuat kepada pihak ketiga kerana Subseksyen Pelancongan hanya mempunyai tiga (3) orang pegawai untuk mengendali dan menyelaras program tersebut.
- vi. Selain itu, bagi tempoh yang sama pihak Audit turut mendapati sebanyak 32 program *Fam Tour* telah dijalankan oleh TSSB dengan kos yang lebih rendah berjumlah RM193,069. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PERBANDINGAN PELAKSANAAN PROGRAM
FAM TOUR ANTARA UPEN DAN TSSB BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	UPEN		TSSB		PERBEZAAN		
	BIL. FAM TOUR	KOS (RM)	BIL. FAM TOUR	KOS * (RM)	BIL. FAM TOUR	KOS (RM)	PERATUS (%) PERBEZAAN
2016	3	209,000	4	27,717	1	181,283	86.7
2017	3	210,000	11	74,024	8	135,976	64.8
2018	1	62,200	17	91,328	16	29,128	46.8
JUMLAH	7	481,200	32	193,069	25	288,131	59.9

Sumber: UPEN dan TSSB

Nota: (*) - Termasuk kos pengurusan

- vii. Analisis Audit terhadap **Jadual 9** mendapati **berlaku perbezaan yang ketara di mana kos program yang dilaksanakan oleh UPEN jauh lebih tinggi berbanding TSSB antara 64.8% hingga 86.7% pada tahun 2016 dan 2017**. Walaupun kos program *Fam Tour* yang dilaksanakan oleh UPEN pada tahun 2018

adalah rendah sebanyak 46.8% berbanding TSSB, namun bilangan program yang dibuat oleh TSSB adalah lebih tinggi.

- viii. Pertindihan tugas ini berlaku kerana tiada ketetapan yang jelas mengenai hala tuju pembangunan pelancongan yang disasarkan. Selain itu, pihak Audit mendapati keputusan yang mengarahkan UPEN untuk melaksanakan program tersebut tidak dinyatakan secara bertulis serta tidak dimaklumkan kepada TSSB sebagai pihak yang bertanggungjawab menganjurkan program tersebut.

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 27 April 2020

Program *Fam Tour* yang dilaksanakan oleh UPEN dibuat berdasarkan arahan lisan mantan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri. Sebagai langkah penambahbaikan, UPEN dan TSSB akan membuat satu ketetapan baharu pembahagian tugas dan fokus *Fam Tour* yang akan dilaksanakan kelak di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelancongan Negeri.

Selain itu, kaedah pelaksanaan *Fam Tour* oleh UPEN memberi fokus kepada segmen pelancongan budaya makanan dan kraf tangan berbanding TSSB yang memberi fokus kepada segmen yang berunsur masyarakat dan kebudayaan. *Fam Tour* UPEN juga melibatkan pengamal media antarabangsa sebanyak 25% peserta yang mengambil masa antara empat (4) hingga lima (5) hari meliputi seluruh daerah atau beberapa daerah sekitar berbanding TSSB yang hanya menjalankan program selama satu (1) hingga dua (2) hari sahaja. *Fam Tour* yang dikendalikan oleh UPEN juga melibatkan TSSB dan Majlis Kebudayaan Negeri Selangor dalam memberi khidmat nasihat dan menyelaras program.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan *Fam Tour* secara *outsourcing* oleh UPEN kurang cekap berdasarkan kos dan bilangan program yang dianjurkan berbanding yang dilaksanakan oleh TSSB.

b. Pelaksanaan Hos Komuniti Selangor Pemandu Pelancong Setempat

- i. Kerajaan Negeri Selangor melalui MMKN ke-35 yang diadakan pada 1 November 2017 telah meluluskan pembangunan modul latihan Hos Komuniti Selangor Pemandu Pelancong Setempat (Hos Komuniti

Selangor). Ia diwujudkan bertujuan melatih penduduk tempatan untuk menjadi pemandu pelancong yang berupaya memberikan maklumat berkaitan produk pelancongan di kawasan mereka dengan baik dan berkesan.

- ii. Program ini menyasarkan sebanyak 10 peserta bagi setiap PBT di negeri Selangor. Tempoh pelaksanaan Hos Komuniti Selangor adalah pada bulan Oktober 2017 hingga September 2018. Tiga (3) PBT telah dilibatkan sebagai perintis, iaitu Majlis Daerah Sabak Bernam, Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Perbandaran Klang dengan peruntukan sejumlah RM398,300.
- iii. Semakan Audit mendapati prestasi pencapaian program Hos Komuniti Selangor yang diwujudkan pada tahun 2018 adalah memuaskan. Daripada 30 peserta yang terpilih, seramai 21 atau 70% peserta telah berjaya menamatkan kursus. Semakan Audit selanjutnya mendapati 21 peserta yang berjaya telah diberi lesen sebagai pemandu pelancong setempat dan telah diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.
- iv. Selain itu, mereka juga telah mendapat pensijilan di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Selain itu, peserta yang berjaya menamatkan kursus telah menerima insentif berjumlah RM1,000 seorang. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

GAMBAR 3



Sijil Pengiktirafan Hos Komuniti Selangor
(Sumber: TSSB)

GAMBAR 4



Lesen Hos Komuniti Setempat
(Sumber: TSSB)

- v. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak sembilan (9) atau 30% peserta telah menarik diri dan tidak menamatkan kursus tersebut.

Penarikan diri peserta menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian sebanyak RM39,033 kerana kos bagi setiap peserta untuk menyertai kursus tersebut adalah RM4,337.

- vi. Seterusnya, semakan Audit mendapati ***tiada perjanjian dibuat antara TSSB dan peserta pada peringkat awal program bagi memastikan peserta memberikan sepenuh komitmen terhadap program yang dijalankan.*** Ketiadaan perjanjian menyebabkan peserta menarik diri daripada menghadiri kursus walaupun sejumlah peruntukan telah dibelanjakan untuk membiayai program ini.
- vii. Selain itu, pihak Audit mendapati program yang dilaksanakan berasaskan *Community Based Tourism Delivery Management* memberi kesan positif kepada peserta serta memberikan pulangan kepada masyarakat setempat. Berdasarkan kepada kajian impak yang dilaksanakan oleh TSSB, sehingga April 2019, seramai tiga (3) atau 14.3% daripada 21 peserta telah berpeluang menjana pendapatan tambahan antara RM440 hingga RM1,250 melalui kerjaya Hos Komuniti Selangor.

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 29 Ogos 2019

Jumlah perbelanjaan untuk Hos Komuniti Selangor (HKS) 2018 adalah RM293,000 dan dibahagikan kepada lima (5) komponen, iaitu *Stakeholder Meeting* (RM4,800), Pembangunan Modul (RM115,200), Kos Latihan (RM97,700), Kos Pemantauan (RM32,400) dan Penghasilan Peta Budaya (RM43,200). Komponen yang melibatkan latihan peserta adalah komponen kos latihan dan pemantauan berjumlah RM130,100. Oleh itu, kos latihan bagi seorang peserta adalah RM4,337 dan kerugian adalah RM39,033. Sebagai tindakan penambahbaikan, TSSB akan mewujudkan perjanjian dengan calon yang akan menyertai program HKS dengan menyatakan syarat-syarat penalti apabila menarik diri.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Hos Komuniti Selangor adalah memuaskan dalam mengumpul dan menyampaikan maklumat mengenai tempat, warisan dan budaya di negeri Selangor.

c. Kaunter Informasi Pelancongan Ditutup

- i. TSSB telah menubuhkan Kaunter Informasi Pelancongan (TIC) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada tahun 2012. TIC berfungsi sebagai pusat penerangan dan informasi bagi mempromosikan maklumat berkaitan acara, kemudahan dan produk pelancongan di negeri Selangor.
- ii. Semakan Audit mendapati operasi TIC di Lot No. MTBAP NA3 *Arrival Level*, Main Building KLIA telah ditutup bermula pada 1 Julai 2018. Penutupan operasi TIC disebabkan keputusan pengurusan MAB yang memutuskan supaya ruang legar di balai ketibaan dikosongkan tanpa sebarang binaan.
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati penutupan operasi TIC di KLIA telah menyebabkan maklumat mengenai acara, kemudahan dan produk pelancongan di negeri Selangor tidak dapat dipromosikan kepada para pelancong yang tiba di KLIA. Selain itu, ketiadaan TIC menyebabkan pengumpulan statistik kedatangan pelancong tidak dapat direkodkan memandangkan ia merupakan *checkpoint* dan pintu masuk utama pelancong ke Malaysia.
- iv. Susulan penutupan TIC, TSSB telah mengambil tindakan dengan menanggalkan semua peralatan tersebut. Kerja-kerja penanggalan peralatan telah siap dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh TSSB pada 9 Ogos 2018 melibatkan kos sejumlah RM17,600. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
SENARAI PERALATAN TIC YANG DITANGGALKAN

BIL.	ASET	NO. DAFTAR ASET	PEMERHATIAN AUDIT
1.	1 Set Komputer	TS/COM209/32	Aset ditempatkan di Bilik Stor TSSB seperti dalam Gambar 5 dan Gambar 6 .
2.	Kerusi	TS/FF/TIC/01-02	
3.	Televisyen 40'	TS/TV/TIC/01	
4.	Televisyen 45'	TS/TV/TIC/02	
5.	Perakam dan kamera <i>CCTV</i>	TS/CCTV/TIC/01	
6.	<i>LED Digital Signage</i>	TS/LED/TIC/01	
7.	Binaan Struktur dan Kabinet Kaunter TIC	TS/CTR/TIC/01	
8.	<i>Plastic Brochure Rack</i>	TS/BR/TIC/01-10	

Sumber:TSSB

- v. Lawatan fizikal Audit pada 17 Mei 2019 mendapati peralatan TIC yang telah ditanggalkan terbiar dalam stor TSSB serta tidak digunakan selama 11 bulan. Peralatan tersebut sepatutnya diuruskan dengan sebaiknya supaya ia memberi manfaat kepada TSSB. Ini menyebabkan kerosakan dan susut nilai terhadap peralatan tersebut.

GAMBAR 5



GAMBAR 6



Bilik Stor TSSB

- Aset TIC yang Ditanggalkan Tidak Digunakan
(17.05.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 29 Ogos 2019

UPEN bercadang untuk membuka TIC di Boustead Cruise Center (BCC), Klang, selewat-lewatnya pada suku tahun kedua tahun 2020. Selain itu, Barang TIC KLIA yang tidak digunakan akan dibawa dan dipasang ke TIC BCC Klang bergantung kepada kebolehgunaan dan kesesuaian barang tersebut.

Pada pendapat Audit, penutupan TIC menyebabkan maklumat mengenai keistimewaan kawasan pelancongan di negeri Selangor tidak dapat disalurkan secara *hands on* kepada pelancong di pintu masuk utama negara.

6.2.2. Pengurusan Produk Pelancongan

Pihak Audit telah menjalankan semakan dokumen dan pengesahan fizikal terhadap 14 atau 16.1% daripada 87 projek menaik taraf produk pelancongan bernilai RM3.11 juta melibatkan lima (5) PBT, TSSB dan PKPS. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Kelewatan Penyiapan Projek

- i. Kontraktor yang ditawarkan sebut harga untuk melaksanakan projek hendaklah menyiapkan kerja berdasarkan tarikh yang ditetapkan. Manakala agensi pelaksana projek hendaklah memantau prestasi kerja kontraktor supaya keseluruhan kerja disiapkan pada atau sebelum tarikh siap.
- ii. Berdasarkan PPP, PK 4.7 Bab 9 berkaitan Kelambatan dan Lanjutan Masa antaranya menyatakan lanjutan masa hanya boleh dipertimbangkan untuk diberikan kepada kontraktor sekiranya terbukti bahawa kerajaan didapati akan atau telah menyumbang terhadap kelewatan kemajuan kerja kontraktor menurut peruntukan kontrak. Selain itu, penguasa projek perlu memantau kemajuan kerja berdasarkan kepada program kerja sebenar di tapak bina.
- iii. Semakan Audit mendapati 11 atau 78.6% daripada 14 projek menaik taraf produk pelancongan telah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, dua (2) projek menaik taraf produk pelancongan telah lewat disiapkan antara 17 hingga 128 hari berbanding tarikh yang ditetapkan manakala satu (1) projek masih belum dimulakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11** dan perenggan berikut:

JADUAL 11
KELEWATAN PENYIAPAN PROJEK PRODUK PELANCONGAN

BIL.	BUTIRAN PROJEK	KAEDAH PEROLEHAN	NILAI PROJEK (RM)	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH SIAP SEBENAR	KELEWATAN (Hari)
PROJEK MENAIK TARAF						
MPKj						
1.	Kerja-Kerja Menaik Taraf dan Pengindahan Laluan "Kajang Heritage Walk"	Sebut Harga	137,865	16.12.2018	02.01.2019	17
MDKS						
2.	Kerja Menaik Taraf Air Terjun Buatan di Bukit Melawati Kuala Selangor	Sebut Harga	46,195	27.12.2017	04.05.2018	128
TSSB						
3.	Menaik Taraf Rumah Rehat Sri Berkat (RSSB)	Tender	1,300,000	Belum Mula *		

Sumber: Surat Setuju Terima dan Sijil Siap Kerja

Nota: (*) - Pelaksanaan dibuat oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Selangor

- iv. Semakan Audit mendapati bagi Kerja Menaik Taraf dan Pengindahan Laluan Kajang *Heritage Walk*, kontraktor telah membuat permohonan lanjutan masa kepada MPKj melalui surat bertarikh 29 November 2018.

Bagaimanapun, ***tiada kelulusan secara bertulis diberikan oleh MPKj kepada kontraktor. Selain itu, Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM408 (kadar LAD RM24 sehari) tidak dikenakan kepada kontraktor.*** Kelewatan penyiapan kerja tersebut disebabkan pertindihan dengan projek pembinaan gerai MPKj.

- v. Bagi kerja menaik taraf air terjun buatan di Bukit Melawati, semakan Audit mendapati ***tiada permohonan lanjutan masa dibuat oleh kontraktor kepada MDKS bagi kerja tersebut. Selain itu, tiada klausula berhubung LAD dinyatakan dalam SST.*** Kelewatan penyiapan projek tersebut adalah kerana permohonan meter air kepada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) dibuat pada saat akhir.
- vi. Lawatan fizikal Audit pada 25 April 2019 mendapati projek menaik taraf RRSB masih belum dilaksanakan. Selain itu, kerja awalan dan proses tender projek tersebut masih belum dimulakan oleh JKR Hulu Selangor. Bagaimanapun, TSSB telah mengeluarkan notis penutupan operasi bermula pada bulan Mei hingga November 2019 walaupun kerja menaik taraf masih belum dimulakan. Kelewatan ini menyebabkan RRSB tidak dapat menerima tempahan daripada orang awam dan menjelaskan kutipan hasil TSSB.

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 29 Ogos 2019

MPKj memaklumkan bahawa kontraktor telah mengemukakan surat permohonan EOT pada 29 November 2018. Kontraktor telah siap melaksanakan kerja mengikut tarikh yang ditetapkan. Berdasarkan lawatan tapak pada 17 Disember 2018, MPKj menghendaki kontraktor untuk melakukan penambahbaikan. Sijil perakuan siap (CPC) hanya dikeluarkan pada 3 Januari 2019 selepas kerja siap sepenuhnya.

MDKS memaklumkan LAD tidak dikenakan bagi kerja menaik taraf air terjun buatan di Bukit Melawati kerana melibatkan skop kerja dengan kos yang kecil. Bagaimanapun, MDKS hanya menguatkuasakan penggunaan LAD dalam kerja sebut harga dan tender bermula Januari 2018.

Selain itu, bagi kerja menaik taraf RRSB, TSSB memaklumkan bahawa peruntukan sebanyak RM0.32 juta telah disalurkan kepada JKR Hulu Selangor pada

7 Mac 2019. BQ bagi kerja menaik taraf telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat, JKR negeri Selangor pada 11 April 2019. Pada 10 Mei 2019, JKR Selangor telah memohon pelantikan kontraktor secara tender terhad kepada Pegawai Kewangan Negeri, namun tidak dipertimbangkan. Susulan itu, proses tender telah dilaksanakan oleh JKR Selangor pada 30 September 2019.

Pada pendapat Audit, pengurusan projek adalah kurang cekap kerana berlaku kelewatan dalam penyiapan projek antara 17 hingga 128 hari dan tiada LAD dikenakan terhadap kontraktor terlibat.

b. Pemantauan Terhadap Produk Pelancongan

Pemantauan oleh TSSB dan agensi Kerajaan yang terlibat perlu dibuat bagi memastikan pelaksanaan projek mengikut ketetapan. Pemantauan terhadap produk pelancongan hendaklah dilaksanakan bagi memastikan pengurusannya dibuat dengan teratur dan berkesan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

i. Pengurusan Ampang Look Out Point

- *Ampang Look Out Point* (ALOP) terletak di Hutan Simpan Hulu Langat seluas 7.29 hektar merupakan destinasi pelancongan yang terletak di puncak bukit. MMKN pada bulan Julai 2005 telah meluluskan pengurusan ALOP kepada Syarikat Pengurusan, Nombor Pendaftaran: 547829-D bagi tempoh 21 tahun bermula dari 1 Ogos 2005 hingga 31 Julai 2026. Susulan daripada kelulusan pengurusan ALOP, perjanjian telah ditandatangani antara TSSB dengan Syarikat Pengurusan pada 8 September 2010.
- Berdasarkan Klausus 7 (v), (viii), (xii) dan 26 perjanjian, Syarikat Pengurusan selaku pengurus tidak dibenarkan membuat pengubahsuaian struktur tanpa kelulusan, mengambil tindakan menyalahi undang-undang dan mengambil tindakan yang membahayakan keselamatan dan alam sekitar ALOP.
- Semakan Audit mendapati Syarikat Pengurusan telah melanggar syarat perjanjian dengan membina struktur bangunan baru dan tambahan serta membuat kerja pemotongan tanah sehingga menyebabkan keadaan cerun berisiko tinggi tanpa kelulusan MPKj. Pelanggaran

syarat perjanjian menyebabkan MPKj mengambil tindakan dengan mengeluarkan empat (4) Notis Amaran kepada Syarikat Pengurusan antara bulan Ogos hingga November 2011 selain mengeluarkan Notis Penarikan Balik Lesen Perniagaan kepada peniaga berlesen di kawasan ALOP. Selanjutnya, MPKj telah mengeluarkan notis penutupan ALOP pada 18 Januari 2012. Berikutan notis penutupan, dua (2) prosiding perundangan telah dimulakan oleh Syarikat Pengurusan dan salah seorang pemilik restoran di premis perniagaan ALOP, iaitu syarikat bernombor pendaftaran 875420-M.

- Semakan Audit selanjutnya mendapati prosiding pertama bermula dengan saman yang dikemukakan oleh Syarikat Pengurusan (Plaintif) terhadap Kerajaan negeri, TSSB dan MPKj (Defendant). Pihak Mahkamah telah membenarkan permohonan MPKj untuk membatalkan Writ Saman dan Tuntutan Plaintiff. Bagi prosiding kedua, saman telah dibuat terhadap MPKj (Responden) oleh pemilik restoran (Pemohon), iaitu salah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan di ALOP. Mahkamah telah membuat keputusan bahawa ganti rugi perlu dibayar kepada pemohon terhadap kerugian yang dialami kerana penutupan premis perniagaannya.
- Berdasarkan keputusan mahkamah, pada tahun 2016 Kerajaan negeri dan MPKj perlu membayar sejumlah RM809,662 bagi kos Perkhidmatan Kawalan Keselamatan ALOP, ganti rugi dan fi guaman. Butiran lanjut kos yang perlu ditanggung akibat penutupan ALOP adalah seperti dalam **Jadual 12.**

JADUAL 12
KOS BAYARAN GANTI RUGI DAN FI GUAMAN

BIL.	BUTIRAN	JABATAN/ AGENSI	KOS (RM)	CATATAN
1.	Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan ALOP	Kerajaan negeri	292,619	Menggunakan peruntukan pembangunan pelancongan tahun 2016. Peruntukan telah disalurkan pada MPKj pada 20 Disember 2016
2.	Bayaran Ganti Rugi Penghakiman Mahkamah Kepada Pemilik Restoran di Premis Perniagaan ALOP	Kerajaan negeri	374,309	
3.	Fi Guaman – Syarikat Pengurusan benombor pendaftaran 547829-D (Plaintif) lawan Kerajaan negeri, MPKj dan TSSB (Defendant)	MPKj	68,638	Pembayaran telah dibuat secara berperingkat bermula pada tahun 2013 hingga 2017
4.	Fi Guaman – Pemilik Restoran benombor pendaftaran 875420-M (Pemohon) lawan MPKj (Responden)	MPKj	74,096	
JUMLAH			809,662	

Sumber: UPEN

- Perkara ini berlaku kerana pemantauan yang tidak dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan ALOP yang terdiri daripada wakil Kerajaan negeri, MPKj dan TSSB. Berdasarkan semakan, pihak Audit mendapati **kerja pengubahsuaian yang dilaksanakan oleh Syarikat Pengurusan tanpa kelulusan MPKj telah dimaklumkan semasa Mesyuarat Pengurusan ALOP pada 25 Ogos 2010.** Bagaimanapun, tiada tindakan diambil terhadap Syarikat Pengurusan berhubung pelanggaran syarat kontrak tersebut.

- Pemantauan tidak dibuat terhadap Syarikat Pengurusan telah menyebabkan Kerajaan Negeri Selangor dan MPKj terpaksa membayar sejumlah RM809,662 terhadap tuntutan yang dibuat. Selain itu, peruntukan pembangunan pelancongan tahun 2016 tidak dapat digunakan bagi melaksanakan projek dan program yang dirancang serta Kerajaan kehilangan produk pelancongan yang menarik.
- Lawatan fizikal Audit pada 2 Julai 2019 mendapati ALOP berada dalam keadaan terbiar sejak ditutup, struktur bangunan di ALOP telah roboh dan atap bangunan telah hilang akibat perbuatan *vandalisme* seperti dalam **Gambar 7** dan **Gambar 8**.

GAMBAR 7



Ampang Look Out Point
- Bangunan di ALOP Telah Roboh
(02.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Ampang Look Out Point
- Atap Hilang
(02.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

ii. Kerja Menaik Taraf Kolam Air Panas, Batu 16, Dusun Tua, Hulu Langat

- MPKj telah melaksanakan kerja tersebut pada tahun 2018. Antara kerja yang dilaksanakan adalah menaik taraf kolam air panas, tandas, pondok *gazebo*, laluan pejalan kaki, memasang pagar dan kerja-kerja elektrik dengan kos sejumlah RM189,100. Semakan Audit mendapati

dua (2) unit cermin muka tidak dibekalkan, kerja membina manhole tidak dilaksanakan oleh kontraktor serta kerja tidak mengikut spesifikasi. Semakan Audit selanjutnya mendapati kerja membina *manhole* telah dilaksanakan oleh MPKj setelah lawatan susulan dibuat pada 9 Julai 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13** dan **Gambar 9** hingga **Gambar 12**.

JADUAL 13
BUTIRAN KERJA BAGI BEKALAN YANG TIDAK DIBEKALKAN

BIL.	BUTIRAN KERJA	SENARAI KUANTITI/JUMLAH BAYARAN YANG DIBUAT			PEMERHATIAN AUDIT
		KUANTITI (unit)	HARGA/UNIT (RM)	JUMLAH (RM)	
1.	Kerja-kerja membekal dan memasang basin basuh tangan dengan cermin muka dari jenis yang diluluskan oleh pegawai MPKj dan mempunyai satu pili 12mm, satu alur keluar 32mm dan segala kelengkapan yang perlu serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.	2	500	1,000	Cermin muka tidak dipasang. Hanya basin basuh tangan sebanyak dua (2) unit dibekalkan seperti dalam Gambar 9 .
2.	Membekal dan memasang tandas (WC) jenis cangkung dari tembikar berwarna lengkap dengan jenis 'Johnson Suisse-Angalia' atau yang setaraf dengannya.	2	1,500	3,000	Tandas Jenama <i>Techplus</i> Jenis Duduk Dipasang seperti dalam Gambar 10 .
3.	kerja membina <i>manhole</i> berukuran 600mmx600mm daripada susunan batu bata pada ketebalan 115mm.	1	4,500	4,500	Tidak dibuat seperti dalam Gambar 11 dan Gambar 12 .


Sumber: *Bill of Quantities* bagi Kerja Menaik Taraf Kolam Air Panas, Batu 16, Dusun Tua Hulu Langat

GAMBAR 9



Kolam Air Panas Batu 16, Dusun Tua
- Hanya Basin Basuh Tangan Dibekalkan
(09.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Kolam Air Panas Batu 16, Dusun Tua
- Tandas Jenama *Techplus* Jenis Duduk Dipasang
(09.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11

Kolam Air Panas Batu 16, Dusun Tua
- *Manhole Tidak Dibina (Keadaan Asal Belakang Tandas)*
(12.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12

Kolam Air Panas Batu 16, Dusun Tua
- *Manhole Dibina Selepas Teguran Audit*
(09.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Kesan daripada pemantauan yang tidak dibuat terhadap kerja yang dilaksanakan serta tiada semakan ke atas dokumen pembayaran menyebabkan Kerajaan terlebih bayar sejumlah RM5,500 kepada kontraktor.

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 17 September 2019

UPEN telah membuat pembetulan dengan menyerahkan semula ALOP kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS). UPEN terus memantau perkembangan pembangunan semula ALOP di bawah JPNS melalui Jawatankuasa Penilaian RFP Pelan Tindakan Pembangunan Semula ALOP.

MPKj memaklumkan kerja telah siap dilaksanakan pada 19 Mac 2018, dan mendapati cermin muka yang dibekalkan oleh kontraktor telah pecah dan rosak akibat vandalisme. Pihak kontraktor telah diarahkan untuk menggantikan cermin muka yang rosak.

Selain itu, berdasarkan laporan siap kerja yang dikemukakan oleh pihak kontraktor bertarikh 15 Mac 2018, didapati kerja pembinaan *manhole* tersebut telah dilaksanakan di tapak. Bagaimanapun, lawatan tapak Audit pada 12 Jun 2019 didapati *manhole* tersebut tidak kelihatan disebabkan tertutup dengan tanah dan rumput. Susulan itu, MPKj mengarahkan kontraktor untuk membersihkan semula tanah dan rumput yang menutup *manhole* dan meninggikan aras *manhole* tersebut.

Kontraktor telah menukarkan tandas berkenaan (jenis cangkung kepada duduk) tanpa memaklumkan kepada MPKj. MPKj memaklumkan pertukaran spesifikasi ini tidak diselaraskan oleh Penolong Jurutera projek untuk perakuan siap kerja.

iii. Kemudahan Awam Tidak Digunakan

- Penyediaan kemudahan asas yang lengkap adalah penting dalam memastikan keselesaan pengunjung antaranya seperti jalan masuk, lampu jalan, tandas, wakaf, tempat letak kereta dan kemudahan rekreasi. UPEN telah menyalurkan *Direct Grant* kepada MPKj sejumlah RM189,100 bagi melaksanakan Kerja Menaik Taraf Kolam Air Panas di Batu 16, Dusun Tua, Hulu Langat.
- Lawatan fizikal Audit pada 12 Jun 2019 mendapati tandas yang dibina bernilai RM82,230 di tempat pelancongan tersebut tidak digunakan sejak tarikh siap projek pada 11 Januari 2018 dan berada dalam keadaan berkunci. Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 13** dan **Gambar 14**.

GAMBAR 13



Kolam Air Panas Batu 16, Dusun Tua
-Tandas Awam yang Tidak Digunakan
(02.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14



Kolam Air Panas Batu 16, Dusun Tua
-Tandas Berkunci
(02.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Perkara ini berlaku kerana pemantauan tidak dilaksanakan oleh MPKj bagi memastikan kemudahan awam yang disediakan berfungsi dengan baik serta boleh digunakan oleh pengunjung yang datang ke kawasan produk pelancongan. Kemudahan awam yang tidak dijaga dengan baik memberi kesan kepada ketidakselesaan pengunjung yang datang serta menyebabkan pembaziran terhadap peruntukan yang dibelanjakan oleh PBT.

Maklum Balas UPEN yang Diterima 17 September 2019

MPKj memaklumkan tandas tersebut pernah digunakan pada peringkat awal, namun disebabkan tiada penjaga yang tetap, MPKj telah mengunci tandas. Ini kerana tandas tersebut digunakan oleh orang ramai yang singgah makan dan minum di gerai di hadapan kolam air panas bukannya pengunjung. MPKj telah menyerahkan kunci kepada pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk menjaga dan memantau kebersihan tandas tersebut.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kemudahan di tempat pelancongan oleh Kerajaan negeri, TTSB dan PBT kurang berkesan.

c. Penyenggaraan Kemudahan Awam di Produk Pelancongan Tidak Sempurna

- i. Penyenggaraan kemudahan awam di produk pelancongan hendaklah dilaksanakan mengikut perancangan dan dibuat secara berkala bagi memastikan kebersihan kawasan dan keselesaan pengunjung. Kawasan yang indah dan menarik akan menjadi tarikan pelancong dan pengunjung untuk datang kembali ke tempat tersebut.
- ii. Pihak Audit telah menjalankan lawatan fizikal di lima (5) produk pelancongan termasuk empat (4) produk pelancongan diuruskan oleh TSSB, iaitu CPR, RRSB, Taman Eko Rimba Kanching dan Taman Rimba Komanwel serta satu (1) oleh MPKj.
- iii. Lawatan fizikal Audit mendapati **penyenggaraan kemudahan awam tidak dibuat terhadap empat (4) daripada lima (5) produk pelancongan yang dilawati** adalah seperti dalam **Gambar 15** hingga **Gambar 22**.

GAMBAR 15



Congkak Park & Resort
- Dinding Berlumut dan Kotor
(12.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 16



Congkak Park & Resort
- Atap Ditumbuh Pokok
(12.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17



Rumah Rehat Seri Berkat
- Dinding Berlumut Disebabkan Kebocoran Sistem Perpaipan
(Sumber: TSSB)

GAMBAR 18



Rumah Rehat Seri Berkat
- Papan Skirting Dimakan Anai-anai
(Sumber: TSSB)

GAMBAR 19



Taman Eko Rimba Kanching
- Tiada Penutup Pam dan Penutup Tandas
(19.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 20



Taman Eko Rimba Kanching
- Wakaf Rosak
(19.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 21

Kolam Air Panas Batu 16, Dusun Tua
- Longgokan Sampah di Tepi Tandas
(02.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 22

Kolam Air Panas Batu 16, Dusun Tua
- Dasar Kolam yang Berlumut
(02.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iv. Berdasarkan temu bual dengan Pengurus Pembangunan Produk dan Perniagaan TSSB, kekangan kewangan merupakan faktor *chalet* CPR, RRSB dan Taman Eko Rimba Kanching tidak dapat disenggarakan dengan baik. Keadaan *chalet* di CPR yang tidak kondusif menyebabkan kutipan hasil pendapatan daripada tempahan *chalet* mengalami penurunan sebanyak RM53,269 pada tahun 2017 berbanding RM71,905 (25.9%) pada tahun 2016.
- v. Bermula tahun 2018 sehingga kini, tiada hasil dikutip selepas penutupan operasi *chalet*. Sekiranya keadaan ini berterusan tanpa tindakan proaktif bagi membaik pulih *chalet* dibuat, TSSB berisiko mengalami kerugian akibat kehilangan hasil serta kemudahan aset di produk pelancongan.

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 29 Ogos 2019

TSSB memaklumkan bahawa permohonan peruntukan telah dibuat kepada pejabat Exco pada 20 Oktober 2017 bagi membaik pulih CPR namun, permohonan tersebut tidak berjaya. TSSB telah menerima kertas kerja dari pihak *Tiny House* yang melibatkan *Built-Operate-Transfer*. Namun, melalui keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah 18 April 2019 telah memutuskan agar TSSB membuat perbincangan bersama MBI bagi merancang pembangunan semula CPR dengan konsep *Smart Partnership*.

TSSB memaklumkan bahawa RRSB perlu ditutup sementara bagi melaksanakan kerja baik pulih. Bagi Taman Eko Rimba Kanching, kelewatkan pembaikan disebabkan proses pelantikan kontraktor mengambil masa yang lama. Berkennaan

siling tandas yang pecah, penutup tandas dan penutup pam telah diganti oleh kontraktor pembersihan yang menjaga tandas tersebut.

Pada pendapat Audit, penyenggaraan kemudahan awam di produk pelancongan oleh TSSB adalah kurang cekap kerana empat (4) daripada lima (5) produk pelancongan yang dilawati tidak disenggara dengan baik.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Berdasarkan aktiviti pembangunan pelancongan, iaitu promosi dan acara, projek menaik taraf produk pelancongan serta memajukan kraf tangan telah dilaksanakan dengan memuaskan untuk meningkatkan jumlah pelancong ke negeri Selangor. Selain itu, sasaran yang ditetapkan dalam PPSUK 2013-2017 telah dicapai dengan peningkatan sebanyak 10.9% kedatangan pelancong. Bagaimanapun pada tahun 2018, kedatangan pelancong tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, iaitu hanya 7.23 juta pelancong atau 97.7% berbanding sasaran ditetapkan seramai 7.4 juta pelancong. Namun begitu, sasaran PPSUK tahun 2018 hingga 2022 dari aspek pendapatan kepada Kerajaan negeri telah tercapai dengan hasil yang dijana pada tahun 2018 berjumlah RM13.428 bilion berbanding RM5.20 bilion yang disasarkan. Selain itu, beberapa kelemahan dikenal pasti dalam aspek pengurusan antaranya seperti berlaku pertindihan peranan antara UPEN dan TSSB, tiada perjanjian dibuat bagi program Hos Komuniti Selangor, operasi TIC di KLIA ditutup, kelewatan penyiapan projek dan pemantauan kurang berkesan terhadap produk pelancongan.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pembangunan pelancongan di negeri Selangor pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan UPEN, TSSB, PBT dan agensi Kerajaan lain mengambil tindakan seperti berikut bagi meningkatkan prestasi dan tahap kecekapan pengurusan pembangunan pelancongan:

- 8.1. memastikan kajian impak dibuat untuk menilai keberkesanan setiap program yang dijalankan;

- 8.2. mengkaji semula tugas dan fungsi setiap Jabatan/Bahagian dalam merangka hala tuju pembangunan pelancongan di negeri Selangor serta meningkatkan kerjasama antara semua pihak bertanggungjawab dalam mempergiatkan lagi aktiviti promosi dan acara pelancongan;
- 8.3. mengkaji semula program yang telah dilaksanakan serta menyediakan hala tuju pembangunan pelancongan dengan lebih komprehensif dan mengambil kira perkembangan industri pelancongan semasa;
- 8.4. memastikan pemantauan dibuat secara kolektif dan berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan kerja dilaksanakan mematuhi skop kerja/spesifikasi kontrak serta mencapai objektif yang ditetapkan; dan
- 8.5. memastikan kemudahan awam di produk pelancongan disenggarakan secara berkala bagi memberi keselesaan dan menarik pelancong untuk datang dan kembali berkunjung ke negeri Selangor.

2

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

- Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd.

RINGKASAN EKSEKUTIF

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADAN)

DARUL EHSAN FACILITIES MANAGEMENT SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan tiga (3) aspek penilaian. Penilaian terhadap aspek tadbir urus korporat dan pengurusan aktiviti meliputi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019. Penilaian terhadap aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit syarikat Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM) tahun 2016, 2017 dan 2018.
- Pengauditan ini melibatkan sembilan (9) aspek tadbir urus korporat bagi tahun 2016 hingga bulan Julai 2019. Bagi pengurusan aktiviti, dua (2) bidang utama Audit yang dinilai adalah pengurusan penyenggaraan fasiliti dan pengurusan premis aset Kerajaan Negeri Selangor dan MBI. Bagi prestasi aktiviti, dua (2) perkara yang dinilai meliputi pencapaian output dan pencapaian *outcome* aktiviti tersebut.
- Perkara yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti pula adalah kerja menaik taraf dan membaik pulih Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA), penyenggaraan fasiliti, pengurusan sewaan premis dan hasil kutipan sewaan premis aset Kerajaan Negeri Selangor dan MBI.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan DEFM dari aspek tadbir urus korporat syarikat yang baik, pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama yang telah diaudit dan kedudukan kewangan didapati objektif penubuhan DEFM tidak tercapai sepenuhnya.
- Amalan tadbir urus korporat DEFM adalah kurang memuaskan yang mana sebanyak enam (6) daripada sembilan (9) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya. Antara aspek yang tidak diamalkan adalah seperti berikut:
 - tugas dan tanggungjawab Pengerusi dan Lembaga Pengarah tidak dinyatakan secara jelas;
 - peranan Setiausaha Syarikat tidak dijalankan dengan berkesan. Antaranya tidak menasihati ahli Lembaga Pengarah untuk

menyediakan Piagam Lembaga Pengarah, Kod Tatalaku dan Etika Syarikat, program pembelajaran ahli Lembaga Pengarah serta pemantauan Perancangan Strategik syarikat;

- DEFM masih mengguna pakai *Standard Operating Procedures* (SOP) yang lama, iaitu SOP MSNS Holdings Sdn. Bhd. yang tidak diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
 - prestasi dan kedudukan terkini Perancangan Strategik bagi tahun 2016 hingga 2019 tidak dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah bagi tujuan pemantauan prestasi dan pencapaian syarikat; dan
 - pengurusan kewangan yang lemah seperti perolehan aset yang tidak teratur, baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen yang lengkap, kutipan lewat dibankkan dan resit tidak dikeluarkan dengan berturutan.
- Prestasi aktiviti di DEFM tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan:
 - pencapaian output bagi penyenggaraan fasiliti aset dari segi bilangan projek kerja menaik taraf dan membaik pulih KSSA siap dilaksanakan adalah kurang cekap kerana terdapat satu (1) projek masih belum siap dilaksanakan; dan
 - pencapaian output bagi prestasi pengurusan premis juga kurang cekap kerana kutipan sebenar sewaan premis yang disewakan secara tetap adalah rendah berbanding sasaran yang ditetapkan.
 - Pengurusan aktiviti di DEFM tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan:
 - perolehan perkhidmatan penyenggaraan melebihi RM50,000 tidak dilaksanakan secara sebut harga, perolehan secara pembelian terus tanpa tiga (3) sebut harga (tawaran kajian pasaran) dan dokumen perolehan tidak disediakan dengan lengkap serta penyenggaraan fasiliti tidak dibuat secara berkala;
 - sebanyak 10 kontrak perjanjian kerja naik taraf dan baik pulih KSSA hanya ditandatangani setelah kerja selesai dilaksanakan manakala sehingga 28 Februari 2020, satu (1) kerja lagi masih belum dimeterai dengan kontrak perjanjian. Selain itu, lima (5) perjanjian sewaan premis dengan DEFM lewat ditandatangani antara 11 hingga 498 hari;

- penalti tidak dikenakan terhadap kontraktor kerja menaik taraf dan membaik pulih KSSA; dan
- kutipan hasil sewaan berjumlah RM1.10 juta bagi dua (2) unit premis yang tidak disewakan bagi tempoh 15 hingga 32 bulan tidak dapat dibuat. Selain itu, tunggakan sewaan premis pada tahun 2019 (sehingga bulan Julai) berjumlah RM1.69 juta.

MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)

2. DARUL EHSAN FACILITIES MANAGEMENT SDN. BHD.

FAKTA UTAMA

OBJEKTIF UTAMA	AKTIVITI UTAMA	ASET YANG DIURUSKAN	RM4.16 Juta
Mengurus dan mengendalikan aset: <ul style="list-style-type: none">• Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI)• Kerajaan Negeri Selangor (Arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri)	<ul style="list-style-type: none">• Menyenggara fasiliti aset MBI dan Kerajaan Negeri Selangor• Mengurus premis MBI dan Kerajaan Negeri Selangor <p>100% Dimiliki oleh MBI</p>	<ul style="list-style-type: none">• Kompleks Generasi Muda dan Sukan• Hotel Carlton Holiday & Suites• Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)	Peruntukan perbelanjaan modal menaik taraf dan membaik pulih fasiliti KSSA pada tahun 2018

1. LATAR BELAKANG

1.1. Syarikat Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM) dahulunya dikenali sebagai MSNS Holdings Sdn. Bhd. merupakan syarikat berhad menurut syer yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Syarikat milikan penuh Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) ini diperbadankan pada 9 Oktober 1991 dan mula beroperasi pada tahun 1995 dengan modal berbayar berjumlah RM1 juta.

1.2. Objektif penubuhan DEFM adalah mengurus dan mengendalikan aset milik MBI iaitu Kompleks Generasi Muda dan Sukan (KGMS) dan Hotel Carlton Holiday & Suites (Hotel Carlton). Sebelum 1 Januari 2018, DEFM hanya mengurus dan mengendalikan aset milik MBI iaitu KGMS dan Hotel Carlton. Bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 1 November 2017 telah memutuskan DEFM mengambil alih pengurusan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mulai 1 Januari 2018. KSSA terdiri daripada Stadium Shah Alam, Stadium Malawati, Stadium Mini, Pusat Akuatik Darul Ehsan (PADE), *Futsal Extreme Park* dan tapak pasar Bazarena.

1.3. Pada 1 November 2017, MMKN telah meluluskan geran tahunan kepada DEFM berjumlah RM5 juta setahun untuk tempoh tiga (3) tahun mulai tahun 2018 bagi tujuan perbelanjaan operasi. Sejumlah RM5 juta telah disalurkan kepada DEFM pada tahun 2018 dan sejumlah RM3 juta telah disalurkan bagi tahun 2019 sehingga bulan Ogos.

Geran yang diterima pada tahun 2018 bagi perbelanjaan modal pula adalah berjumlah RM4.16 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.


JADUAL 1
GERAN YANG DITERIMA DARIPADA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2018 DAN 2019 (SEHINGGA BULAN OGOS)

BUTIRAN	GERAN		
	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Perbelanjaan Operasi (<i>Operation Expenditure</i>)	5.00	3.00	8.00
Perbelanjaan Modal (<i>Capital Expenditure</i>)	4.16	0.00	4.16
JUMLAH	9.16	3.00	12.16

Sumber: DEFM

1.4. Bagi merealisasikan tanggungjawab mengurus dan mengendalikan aset Kerajaan negeri dan MBI, DEFM melantik kontraktor untuk menaik taraf dan membaik pulih KSSA serta menyenggara aset Kerajaan negeri dan MBI. Selain itu, DEFM juga berurusan dengan pihak penyewa premis aset Kerajaan negeri dan MBI. Model perniagaan DEFM adalah seperti **Carta 1**.

CARTA 1
MODEL PERNIAGAAN DEFM



Sumber: Model Perniagaan DEFM

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan DEFM dari aspek tadbir urus korporat syarikat yang baik, pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan sembilan (9) aspek tadbir urus korporat bagi tahun 2016 hingga bulan Julai 2019. Bagi pengurusan aktiviti, dua (2) bidang utama Audit yang dinilai adalah pengurusan penyenggaraan fasiliti dan pengurusan premis aset Kerajaan Negeri Selangor dan MBI. Bagi prestasi aktiviti, dua (2) perkara yang dinilai meliputi pencapaian output dan pencapaian *outcome* aktiviti tersebut. Perkara yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti pula adalah kerja menaik taraf dan membaik pulih KSSA, penyenggaraan fasiliti, pengurusan sewaan premis dan hasil kutipan sewaan premis aset Kerajaan Negeri Selangor dan MBI. Program tersebut dipilih kerana DEFM dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurus dan mengendalikan aset Kerajaan negeri dan MBI. Selain itu, peruntukan perbelanjaan modal dan operasi yang tinggi juga telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan menaik taraf kemudahan KSSA.

3.2. Pengauditan dijalankan di pejabat DEFM yang beroperasi di Tingkat 1, Kuadran AB, Stadium Shah Alam, Seksyen 13, Selangor Darul Ehsan, KSSA, KGMS dan Hotel Carlton. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit DEFM tahun 2016, 2017 dan 2018.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan DEFM serta menganalisis data berkaitan. Pemeriksaan fizikal Audit juga telah dijalankan di pejabat DEFM, KSSA, KGMS dan Hotel Carlton pada bulan Jun dan Julai 2019 bagi menentukan kerja naik taraf dan baik pulih KSSA serta kerja penyenggaraan berkala dipatuhi oleh kontraktor yang dilantik. Selain itu, borang soal selidik mengenai kepuasan tahap kebersihan dan kemudahan fasiliti telah diedarkan kepada seramai 200 pengunjung KSSA, KGMS dan Hotel Carlton. Bagi kedudukan kewangan pula, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 yang telah diaudit oleh Tetuan BDO. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan; perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan

liabiliti; analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara 7 Mei hingga 9 Ogos 2019 terhadap DEFM merumuskan perkara seperti berikut:

a. Tadbir Urus Korporat

Secara umumnya, amalan tadbir urus korporat DEFM adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat keperluan penambahbaikan dalam aspek Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, *Standard Operating Procedures (SOP)*, Perancangan Strategik dan Pengurusan Kewangan.

b. Pengurusan Aktiviti

i. Prestasi Aktiviti Penyenggaraan Fasiliti dan Pengurusan Premis Aset Kerajaan Negeri

Pada umumnya, penyenggaraan fasiliti aset dari segi bilangan projek menaik taraf dan membaik pulih KSSA adalah kurang cekap. Hal ini kerana terdapat dua (2) projek yang masih belum siap dilaksanakan walaupun telah melepas tempoh kontrak yang ditetapkan. Pencapaian output bagi pengurusan premis aset Kerajaan negeri juga kurang cekap kerana kutipan sebenar sewaan premis adalah rendah berbanding sasaran. Bagi pencapaian *outcome* pula, tahap kebersihan dan kemudahan KSSA, KGMS dan Hotel Carlton yang disediakan adalah memuaskan berdasarkan maklum balas soal selidik yang diedarkan kepada pengunjung.

ii. Pelaksanaan Aktiviti Penyenggaraan Fasiliti dan Pengurusan Premis Aset Kerajaan Negeri

Secara umumnya, penyenggaraan fasiliti dan pengurusan premis aset Kerajaan Negeri Selangor kurang cekap khususnya berkaitan tatacara perolehan, pengurusan kontrak, pemantauan kerja penyenggaraan dan pengurusan kutipan sewaan premis. Perkara ini menjelaskan pelaksanaan aktiviti untuk mengurus dan mengendalikan aset Kerajaan negeri dan MBI dengan cekap dan berkesan.

c. Kedudukan Kewangan

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan syarikat DEFM adalah kukuh. Pada tahun 2018, DEFM berjaya mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM2.75 juta berbanding kerugian pada tahun sebelumnya berjumlah RM0.54 juta. Pada tahun 2016, DEFM merekodkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.66 juta. Keuntungan sebelum cukai yang tinggi pada tahun 2018 adalah kerana DEFM menerima geran daripada Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM9.16 juta. Tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 1.6:1 pada tahun 2018 menunjukkan syarikat berupaya membayar liabiliti semasanya pada bila-bila masa. Selain itu, DEFM mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai positif bagi tahun 2016 hingga 2018 masing-masing berjumlah RM1.55 juta, RM0.87 juta dan RM7.13 juta.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dan tindakan adalah seperti berikut:

- a. Kutipan wang sewaan gelanggang Futsal *Extreme Park* dan sewaan Tapak Pasar Pagi Bazarena berjumlah RM157,941 lewat diserahkan ke Bahagian Kewangan antara satu (1) hingga 36 hari dan lewat dibankkan antara dua (2) hingga 24 hari. Selain itu, pengeluaran resit adalah tidak berturutan bagi 187 resit dengan anggaran kutipan (kiraan Audit) sejumlah RM27,485;
- b. Perolehan perkhidmatan penyenggaraan melebihi RM50,000 tidak dilaksanakan secara sebut harga, perolehan secara pembelian terus tanpa tiga (3) sebut harga (tawaran kajian pasaran) dan dokumen perolehan tidak disediakan dengan lengkap. Penyenggaraan fasiliti juga tidak dibuat secara berkala;
- c. 10 kontrak perjanjian kerja naik taraf dan baik pulih KSSA hanya ditandatangani setelah kerja selesai dilaksanakan manakala sehingga 28 Februari 2020, satu (1) kerja lagi masih belum dimeterai dengan kontrak perjanjian. Selain itu, lima (5) perjanjian sewaan premis dengan DEFM lewat ditandatangani antara 11 hingga 498 hari;
- d. Penalty tidak dikenakan terhadap kontraktor kerja menaik taraf dan membaik pulih KSSA; dan
- e. Kutipan hasil sewaan berjumlah RM1.10 juta bagi dua (2) unit premis yang tidak disewakan bagi tempoh 15 hingga 32 bulan tidak dapat dibuat. Selain

itu, tunggakan sewaan premis pada tahun 2019 (sehingga bulan Julai) berjumlah RM1.69 juta.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui dan maklum balas DEFM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 25 September 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Tadbir Urus Korporat

6.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat kerajaan di bawah MBI, DEFM perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat, SOP syarikat serta peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Selain itu, antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2017*, *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness April 2006* dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD Handbook] Disember 2014.

6.1.2. Sehingga 9 Ogos 2019, pengurusan DEFM diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh 44 kakitangan. Struktur organisasi DEFM terbahagi kepada tiga (3) bahagian seperti dalam **Carta 2** manakala peranan dan fungsi setiap bahagian adalah seperti dalam **Jadual 2**.

CARTA 2
CARTA ORGANISASI DEFM PADA 9 OGOS 2019



Sumber: Carta Organisasi DEFM

JADUAL 2
PERANAN BAHAGIAN

NAMA BAHAGIAN	PERANAN/FUNGSI
Bahagian Pengurusan Fasiliti	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti segala keperluan penyenggaraan • Memastikan keseluruhan premis selamat • Memastikan rekod penjaja dan peniaga dikemas kini • Memastikan pembayaran penyewaan mengikut jumlah purata tahun dicapai • Memantau jumlah pendapatan dan perbelanjaan selari dengan bajet • Merancang keperluan latihan yang diperlukan oleh kakitangan • Menyediakan <i>Feasibility Study</i> sesuatu projek baru untuk rujukan Pengurusan DEFM • Menganalisis cadangan perunding dan kontraktor • Menyediakan <i>lay-out</i> plan dan cadangan perancangan projek • Menyelaras kemajuan kerja dengan perunding • Menjalankan tinjauan ke atas premis untuk menyediakan cadangan baik pulih
Bahagian Pembangunan Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan aktiviti jualan dan pemasaran • Memasarkan produk syarikat mengikut strategi dan plan yang telah dirancang • Melaksanakan aktiviti pengurusan acara sepanjang tahun • Merancang perjalanan acara yang dijalankan • Menyediakan sebut harga mengikut keperluan pelanggan (Dewan Raja Muda Musa) • Menyelaras tempahan pelanggan • Membuat tuntutan bagi bayaran pembekal • Menyediakan laporan pemasaran bulanan • Mengendalikan rekod penyimpanan data • Memantau dan mengawal kos perbelanjaan jualan • Memastikan standard produk dan servis mengikut keperluan pelanggan • Menyediakan pelan perniagaan • Menyediakan laporan pemasaran bulanan
Bahagian Pengurusan Korporat	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan senarai kuantiti bagi kerja bangunan, kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik • Menguruskan proses perolehan • Mengendalikan rekod penyimpanan data projek • Menyediakan laporan kepada pihak Lembaga Pengarah Syarikat • Memantau pelaksanaan polisi dan peraturan • Menyelaras deskripsi tugas • Mengurus pembelian keperluan pejabat • Menyediakan bajet dan memantau penggunaan mengikut <i>target</i> • Mengemas kini aset syarikat • Mengendalikan perbelanjaan <i>Petty Cash</i> • Menguruskan mesyuarat syarikat • Mengemas kini rekod kakitangan

Sumber: Carta Fungsi DEFM

6.1.3. Sehingga bulan Julai 2019, DEFM mempunyai seramai enam (6) ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan lima (5) ahli yang berstatus bebas. Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik adalah mewakili Kerajaan Negeri Selangor, wakil dari MBI dan juga swasta.

6.1.4. Semakan Audit mendapati DEFM hanya mengamalkan tiga (3) daripada sembilan (9) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat, iaitu aspek Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman. Bagaimanapun, enam (6) amalan terbaik tadbir urus korporat yang lain didapati tidak diamalkan sepenuhnya, iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Perancangan Strategik serta pengurusan kewangan. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh DEFM adalah seperti penemuan Audit yang berikut:

a. Pengerusi dan Lembaga Pengarah

- i. MCCG 2017 Amalan 1.2 dan *Green Book* Perenggan 2.1.3 menetapkan tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah dinyatakan secara jelas. MCCG 2017 Amalan 2.1, Panduan 2.1, Lembaga Pengarah menetapkan Piagam Lembaga Pengarah hendaklah diwujudkan. MCCG 2017 Amalan 3.1 pula menyarankan Lembaga Pengarah supaya menyediakan Kod Tatalaku dan Etika Syarikat bagi mewujudkan budaya korporat dan tata kelakuan beretika. Selain itu, *Green Book* Perenggan 1.4.4 menetapkan Lembaga Pengarah hendaklah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan.
- ii. Pengerusi DEFM telah dilantik pada 14 November 2014 dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor. Semakan Audit mendapati ***tugas dan tanggungjawab Pengerusi dan Lembaga Pengarah tidak dinyatakan secara jelas***. Semakan Audit selanjutnya mendapati Piagam Lembaga Pengarah serta Kod Tatalaku dan Etika Syarikat tidak disediakan sejak syarikat mula ditubuhkan. Selain itu, dua (2) daripada enam (6) ahlinya tidak menjalani program pembelajaran yang berterusan.
- iii. Ketiadaan tugas dan tanggungjawab Pengerusi, Piagam Lembaga Pengarah serta Kod Tatalaku dan Etika Syarikat menyebabkan tadbir urus syarikat tidak dapat dilaksanakan dengan baik, menjelaskan ketelusan syarikat, pelanggaran etika dan risiko penyelewengan. Selain itu, tanpa menjalani program pembelajaran yang berterusan, potensi ahli Lembaga Pengarah bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks adalah rendah.

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 11 Februari 2020

MBI sedang dalam penyediaan draf akhir tugas dan tanggungjawab Pengerusi, Piagam Lembaga Pengarah serta Kod Tatalaku dan Etika Syarikat untuk dilaksanakan di peringkat MBI dan anak syarikatnya. Draf tersebut akan dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah MBI pada mesyuarat suku tahun pertama tahun 2020. Latihan pembelajaran kepada ahli Lembaga Pengarah bertajuk *Corporate Liability and Governance, Risk and Controls* serta Bengkel Undang-Undang Rasuah dan Pelan Anti Rasuah Organisasi masing-masing telah diadakan pada 30 September dan 7 November 2019.

Pada pendapat Audit, tugas dan tanggungjawab Pengerusi dan Lembaga Pengarah yang tidak dinyatakan secara jelas menyebabkan tadbir urus syarikat tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

b. Setiausaha Syarikat

- i. Menurut Akta Syarikat 2016 Perenggan 236, Lembaga Pengarah hendaklah melantik seorang Setiausaha Syarikat yang berperanan untuk membimbing, memberi panduan dan nasihat berkaitan peraturan serta peruntukan yang termaktub bagi sesuatu syarikat kepada ahli Lembaga Pengarah. Berdasarkan Kod Etika Setiausaha Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Perkara D – Kod Kelakuan No. 10 menetapkan Setiausaha Syarikat perlu membantu dan menasihati pengarah bagi memastikan syarikat menyenggara suatu sistem kawalan dalam yang berkesan bagi menyimpan daftar dan rekod perakaunan yang sepatutnya.
- ii. DEFM telah melantik Setiausaha Syarikat pada 1 November 2016. Semakan Audit mendapati ***peranan Setiausaha Syarikat tidak dijalankan dengan berkesan antaranya tidak menasihati ahli Lembaga Pengarah untuk menyediakan Piagam Lembaga Pengarah, Kod Tatalaku dan Etika Syarikat, program pembelajaran ahli Lembaga Pengarah serta pemantauan Perancangan Strategik syarikat.*** Pihak Audit dimaklumkan oleh Setiausaha Syarikat dalam *Exit Conference* bahawa pihak MBI dalam proses mewujudkan Piagam Lembaga Pengarah serta Kod Tatalaku dan Etika Syarikat. Bagaimanapun, Setiausaha Syarikat tidak dapat mengesahkan tarikh sebenar perkara tersebut akan dimuktamadkan.

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 11 Februari 2020

MBI sedang dalam penyediaan draf akhir tugas dan tanggungjawab Pengerusi, Piagam Lembaga Pengarah serta Kod Tatalaku dan Etika Syarikat untuk dilaksanakan di peringkat MBI dan anak syarikatnya. Draf tersebut akan dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah MBI pada mesyuarat suku tahun pertama tahun 2020. Setiausaha Syarikat telah memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai keperluan untuk menghadiri program pembelajaran yang berterusan.

Pada pendapat Audit, Setiausaha Syarikat tidak menjalankan peranan dan tanggungjawab sepenuhnya dalam menasihati ahli Lembaga Pengarah bagi memastikan tadbir urus korporat syarikat dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

c. Standard Operating Procedures (SOP)

- i. MKD *Handbook* Perenggan 1.9 (c) dan 2.2 (f) menetapkan Lembaga Pengarah hendaklah memastikan pengurusan syarikat mewujudkan SOP dan polisi yang jelas serta sentiasa relevan bagi memantapkan tadbir urus syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati ***DEFM masih menggunakan SOP yang lama, iaitu SOP MSNS Holdings Sdn. Bhd. yang tidak diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengarah.*** Semakan Audit selanjutnya mendapati SOP untuk operasi, penyenggaraan fasiliti dan penyewaan gelanggang futsal belum diwujudkan sejak KSSA diambil alih pada 1 Januari 2018. Kegagalan DEFM mewujudkan SOP yang lengkap dan terkini menyebabkan risiko pelanggaran peraturan dan prosedur.

Maklum Balas DEFM yang diterima pada 11 Februari 2020

DEFM dalam proses mengemas kini semula SOP yang diguna pakai selaras dengan kehendak ISO 9001:2015 dan dijangka dilaksanakan mulai bulan Disember 2020.

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman syarikat tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan tanpa SOP yang lengkap dan terkini.

d. Perancangan Strategik

Perancangan Strategik yang utama DEFM bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah meningkatkan hasil pendapatan DEFM.

- i. Berdasarkan amalan terbaik *Green Book* Bahagian 1 Perenggan 3.2, peranan Lembaga Pengarah adalah memantau prestasi dan pencapaian syarikat serta memastikan syarikat diuruskan dengan baik dan berkesan.

Kaedah yang paling berkesan adalah dengan mengukur pencapaian dan prestasi syarikat melalui penetapan Perancangan Strategik.

- ii. Perancangan Strategik DEFM tahun 2016 hingga 2020 menggunakan kaedah *Balanced Scorecard* yang dirangka berdasarkan visi dan misi yang telah dikenal pasti, ditetapkan dari analisis sedia ada serta analisis jangkaan *stakeholder* terhadap syarikat.
- iii. Semakan Audit mendapati Perancangan Strategik bagi meningkatkan hasil pendapatan DEFM pada tahun 2016 hingga 2018 telah mencapai sasaran yang ditetapkan kecuali pada tahun 2017. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENCAPAIAN PERANCANGAN STRATEGIK MENINGKATKAN HASIL PENDAPATAN

TAHUN	PERANCANGAN STRATEGIK	SASARAN (RM Juta) (a)	PENCAPAIAN SEBENAR (RM Juta) (b)	PERBEZAAN (RM Juta) (c = b-a)
2016	Meningkatkan Hasil Pendapatan	5.40	6.08	0.68
2017		4.60	3.43	(1.17)
2018		11.2	17.05	5.85

Sumber: Perancangan Strategik dan Penyata Kewangan DEFM Berakhir Tahun 2016 - 2018

- iv. Pihak Audit juga mendapati *prestasi dan kedudukan terkini Perancangan Strategik bagi tahun 2016 hingga 2019 tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tujuan pemantauan prestasi dan pencapaian syarikat.*

Maklum Balas DEFM yang diterima pada 24 dan 27 September 2019

Sasaran meningkatkan hasil pendapatan tidak dapat dicapai kerana terdapat ruang pejabat yang tidak disewakan dan masalah tunggakan sewaan. Prestasi Perancangan Strategik ada dihantar setiap bulan kepada MBI. Bagaimanapun, DEFM akan memastikan prestasi Perancangan Strategik akan datang dibentangkan dalam mesyuarat ahli Lembaga Pengarah.

Pada pendapat Audit, Perancangan Strategik yang tidak dibentangkan secara berkala dalam mesyuarat Lembaga Pengarah menyebabkan ahli Lembaga Pengarah tidak dapat memberikan pandangan dan nasihat mengenai prestasi dan pencapaian aktiviti syarikat.

e. Pengurusan Kewangan

i. Perolehan Aset yang Tidak Teratur

- Perkara 5.7.1 Manual Kewangan dan Perakaunan ada menerangkan mengenai Bekalan dan Perkhidmatan. Antara lain ditetapkan pembelian terus berjumlah sehingga RM50,000 boleh dilaksanakan dengan kelulusan Pengurus Besar tanpa melalui Jawatankuasa Sebut Harga. Pembelian juga memerlukan sekurang-kurangnya tiga (3) sebut harga (tawaran kajian pasaran). Selain itu, Perkara 4.9 peraturan yang sama mengenai pembelian aset menetapkan penerimaan pesanan hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh pegawai yang ditugaskan sebagai pengesahan penerimaan bekalan/barangan.
- Semakan Audit terhadap 20 sampel baucar bayaran pembelian aset bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati ***sebanyak empat (4) pembelian aset tidak disertakan dengan tiga (3) sebut harga (tawaran kajian pasaran) daripada pembekal.*** Selain itu, tiada pengesahan penerimaan bekalan/barangan dibuat oleh Pegawai Penerima bagi empat (4) daripada sampel baucar bayaran tersebut. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4.**

**JADUAL 4
PEROLEHAN ASET YANG TIDAK TERATUR**

BIL.	TARIKH BAUCAR	PERIHAL BAUCAR	AMAUIN (RM)	PENEMUAN AUDIT	
				SEBUT HARGA DITERIMA DARIPADA TIGA (3) PEMBEKAL	PENGESAHAN PEGAWAI PENERIMA
1.	24.01.2018	Bayaran Mesin <i>Cash Register</i> untuk Futsal dan PADE	9,200	X	X
2.	21.05.2018	Bayaran Pembelian Skuter Pejabat (<i>Cervello Tres</i>) MAD 1000W (2 unit) dan MAD 1300W (1 unit)	13,000	X	✓
3.	30.08.2018	Bayaran <i>Signage</i> untuk Stadium Shah Alam	26,830	X	X
4.	01.11.2018	Bayaran Pembelian <i>Electrical Buggy</i>	38,000	X	X
5.	18.12.2018	Aircond 5hp di <i>Dining area</i> Stadium Malawati	7,720	✓	X
JUMLAH			94,750		

Sumber: Baucar Bayaran DEFM

Nota: ✓ – Ya dan X – Tidak

- Perolehan tanpa mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) sebut harga (tawaran kajian pasaran) daripada pembekal yang berbeza boleh

menyebabkan DEFM tidak mendapat *value for money* bagi perolehan yang dibuat. Selain itu, DEFM tidak dapat menentukan aset yang diterima adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan tanpa pengesahan penerimaan oleh Pegawai Penerima.

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 11 Februari 2020

SOP berkaitan perolehan selaras dengan pensijilan ISO 9001:2015 akan dilaksanakan mulai bulan Disember 2020 dan Borang Pengesahan Penerimaan Bekalan diwujudkan sebagai penambahbaikan kawalan dalaman.

Pada pendapat Audit, tatacara perolehan yang tidak teratur menunjukkan kawalan dalaman syarikat yang longgar dan boleh merugikan syarikat.

ii. Baucar Bayaran Tidak Disokong dengan Dokumen yang Lengkap

- Perkara 7, Manual Kewangan dan Perakaunan Kumpulan Syarikat MSNS Holdings Sdn. Bhd. menetapkan baucar bayaran hendaklah disokong dengan dokumen asal seperti penyata hantaran barang, pesanan rasmi, penyata penerimaan barang dan dokumen lain yang berkaitan.
- Semakan Audit mendapati ***sebanyak 54 baucar bayaran perkhidmatan penyenggaraan berjumlah RM0.89 juta bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019 tidak disokong dengan dokumen yang lengkap.*** Antara dokumen sokongan yang tidak disertakan bersama baucar bayaran ini adalah Laporan Penyenggaraan Bulanan dan *Repair Service Sheet*. Tatacara pembayaran yang tidak teratur boleh menyebabkan risiko berlakunya pembayaran yang tidak wajar dan merugikan syarikat.

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 24 dan 27 September 2019

DEFM sedang dalam proses mengemas kini SOP berkaitan perolehan selaras dengan ISO 9001:2015. Penambahbaikan kawalan dalaman juga telah dilakukan dengan menyediakan satu (1) senarai semak sebagai panduan kepada unit

bayaran bagi memastikan dokumen sokongan lengkap diterima bagi setiap pembayaran.

Pada pendapat Audit, tatacara pembayaran yang tidak teratur boleh menyebabkan risiko berlakunya pembayaran yang tidak wajar dan merugikan syarikat.

iii. Kutipan Lewat Dibankkan

- Perenggan 10.3, Manual Kewangan dan Perakaunan menetapkan setelah resit rasmi dikeluarkan, semua wang diterima hendaklah dimasukkan ke bank pada hari penerimaan itu juga.
- Semakan Audit terhadap kutipan harian sewaan gelanggang Futsal *Extreme Park* dan Pasar Pagi Bazarena bagi tempoh 25 Oktober 2018 hingga 26 Jun 2019 yang berjumlah RM157,941 mendapati seperti berikut:
 - Kutipan harian lewat diserahkan ke Bahagian Kewangan untuk dimasukkan ke bank antara satu (1) hingga 36 hari.
 - Bahagian Kewangan lewat memasukkan wang kutipan tersebut ke bank antara dua (2) hingga 24 hari.
 - Selain itu, wang kutipan pelbagai jenis sewaan bagi tempoh 31 Julai hingga 6 Ogos 2019 berjumlah RM69,581 di peti besi Bahagian Kewangan masih belum dimasukkan ke bank sehingga pemeriksaan Audit pada 6 Ogos 2019 dijalankan. Kelewatan memasukkan wang kutipan ke bank boleh menyebabkan risiko kehilangan wang syarikat.

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 24 dan 27 September 2019

Surat amaran dan peringatan telah dikeluarkan kepada pegawai yang bertanggungjawab.

Pada pendapat Audit, kawalan dalaman penerimaan wang di DEFM adalah tidak memuaskan kerana wang kutipan lewat dimasukkan ke bank.

iv. Pengeluaran Resit Rasmi Tidak Berturutan

- Perenggan 10.1, Manual Kewangan dan Perakaunan menetapkan pengeluaran resit rasmi hendaklah dibuat sebagai pengakuan rasmi penerimaan wang manakala Perenggan 10.2, menetapkan jika pembatalan resit rasmi tidak dapat dielakkan, resit berkenaan hendaklah dicopkan dengan perkataan dibatalkan.
- Semakan Audit terhadap *Daily Sales Report* yang dijana daripada mesin resit dan Laporan Penggunaan Gelanggang Futsal bagi bulan Julai 2018 hingga Jun 2019 **mendapati pengeluaran resit adalah tidak berturutan bagi 187 resit dengan anggaran kutipan (kiraan Audit) berjumlah RM27,485 berdasarkan rekod tempahan online.** Pihak Audit mendapati pengeluaran resit yang tidak berturutan ini hanya berlaku semasa tiada kutipan atau tiada penyewaan gelanggang futsal direkodkan pada hari berkenaan pada Laporan Penggunaan Gelanggang. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5.**

**JADUAL 5
ANGGARAN KUTIPAN PENYEWAAN GELANGGANG FUTSAL**

BIL.	TARIKH	NOMBOR RESIT	JUMLAH RESIT	ANGGARAN KUTIPAN (KIRAAN AUDIT) (RM)
1.	22 – 27.11.2018	CS00001070 - CS00001086	17	2,610
2.	05 – 08.12.2018	CS00001108 - CS00001122	15	2,350
3.	14.12.2018	CS00001137 - CS00001142	6	800
4.	29.12.2018	CS00001188 - CS00001192	5	800
5.	02.01.2019	CS00001197 - CS00001199	3	700
6.	14.01.2019	CS00001253 - CS00001256	4	600
7.	17 – 18.01.2019	CS00001267 - CS00001283	17	2,300
8.	29.01.2019	CS00001315 - CS00001317	3	500
9.	06.02.2019	CS00001333 - CS00001335	3	300
10.	08 – 10.02.2019	CS00001339 - CS00001344	6	950
11.	15 – 16.02.2019	CS00001359 - CS00001365	7	1,450
12.	25 – 27.02.2019	CS00001402 - CS00001404	3	550
13.	05 – 08.03.2019	CS00001412 - CS00001429	18	2,900
14.	12.03.2019	CS00001433 - CS00001435	3	500

BIL.	TARIKH	NOMBOR RESIT	JUMLAH RESIT	ANGGARAN KUTIPAN (KIRAAN AUDIT) (RM)
15.	18.03.2019	CS00001452	1	150
16.	27.03.2019	CS00001473 - CS00001475	3	550
17.	29.03.2019	CS00001482 - CS00001487	6	880
18.	31.03.2019	CS00001489	1	100
19.	05.04.2019	CS00001507 - CS00001512	6	1,000
20.	17.04.2019	CS00001543 - CS00001550	8	1,045
21.	26.04.2019	CS00001583 - CS00001587	5	750
22.	01.05 – 11.06.2019	CS00001594 - CS00001637	44	4,850
23.	19.06.2019	CS00001649 - CS00001650	2	350
24.	23.06.2019	CS00001658	1	500
JUMLAH			187	27,485

Sumber: DEFM

- Menurut DEFM, resit tersebut merupakan resit yang dibatalkan akibat pembatalan tempahan penggunaan gelanggang futsal. Namun, bukti pembatalan resit yang telah dibuat tidak dikemukakan semasa pengauditan. Pihak Audit telah mendapatkan pengesahan daripada pembekal mesin resit tersebut dan pembekal menyatakan pengeluaran nombor resit adalah secara berturutan kecuali pengguna mesin membatalkan resit ataupun mengubah sistem mesin tersebut. Selain itu, perkara ini juga pernah dibangkitkan dalam Pemerhatian Audit oleh MBI.

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 24 dan 27 September 2019

DEFM memaklumkan resit yang dibatalkan tersebut tidak direkodkan. DEFM dalam proses merangka SOP penerimaan wang melalui mesin beresit dan memberikan latihan kepada pegawai yang berkaitan bagi mengelakkan perkara yang sama berulang.

Pada pendapat Audit, pemantauan penerimaan wang kutipan di DEFM adalah lemah kerana berlakunya pengeluaran resit secara tidak berturut dan bukti pembatalan resit yang tidak disimpan.

6.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama DEFM adalah menyenggara fasiliti dan mengurus premis aset Kerajaan Negeri Selangor. Hasil semakan Audit bagi prestasi dan pelaksanaan aktiviti penyenggaraan fasiliti dan premis aset Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

6.2.1. Prestasi Aktiviti

a. Pencapaian Output

i. Prestasi Penyenggaraan Fasiliti

Penilaian pencapaian output pengurusan penyenggaraan fasiliti aset Kerajaan negeri dan MBI dinilai berdasarkan kepada bilangan projek/kerja menaik taraf dan membaik pulih KSSA yang siap dilaksanakan. MMKN bertarikh 1 November 2017 telah memutuskan DEFM mengambil alih KSSA daripada MBSA mulai 1 Januari 2018. Kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM4.16 juta bagi melaksanakan 11 projek/kerja menaik taraf dan baik pulih KSSA yang dijalankan mulai bulan Julai 2018. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Februari 2020, sebanyak 10 atau 90.9% daripada 11 projek/kerja tersebut telah selesai dilaksanakan. Baki satu (1) atau 9.1% projek/kerja bernilai RM0.5 juta masih di peringkat pelaksanaan, iaitu kerja menaik taraf sistem pencegahan kebakaran dan mendapatkan perakuan bomba FC di Stadium Shah Alam. Kerja telah melepas tempoh penyiapan asal yang ditetapkan dan diberi kelulusan lanjutan masa.

ii. Prestasi Kutipan Sewaan Premis

- Pendapatan DEFM antaranya dijana melalui kutipan sewaan premis seperti rumah kedai, lot kedai, pejabat, tempat letak kenderaan dan hotel. Pencapaian output pengurusan penyewaan premis aset Kerajaan negeri di bawah pengurusan DEFM dinilai berdasarkan kepada kutipan sebenar sewaan premis berbanding sasaran. Semakan Audit sehingga bulan Julai 2019 mendapati bilangan premis yang disewakan adalah sebanyak 53 unit. Analisis Audit mendapati kutipan sewaan premis yang disewakan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019 adalah berjumlah RM7.17 juta (72.3%) berbanding RM9.92 juta yang disasarkan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PRESTASI KUTIPAN SEWAAN PREMIS
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA BULAN JULAI 2019

TAHUN	SASARAN (RM Juta)	KUTIPAN SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN SEBENAR (Lebih/Kurang)	
			(RM Juta)	(%)
2016	1.91	1.44	(0.47)	75.4
2017	2.26	2.19	(0.07)	96.9
2018	3.52	2.33	(1.19)	66.2
2019 (Sehingga Bulan Julai)	2.23	1.21	(1.02)	54.3
JUMLAH	9.92	7.17	(2.75)	72.3

Sumber: DEFM

- Tuggakan sewaan premis berlaku disebabkan oleh penyewa enggan membayar sewa sehingga perjanjian *novation* dan perjanjian penyewaan dimuktamadkan.

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 24 dan 27 September 2019

Kedua-dua projek naik taraf dijangka akan siap masing-masing pada bulan Oktober 2019 dan Mei 2020.

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian output bagi penyenggaraan fasiliti adalah kurang cekap kerana masih terdapat projek naik taraf yang belum siap dilaksanakan. Begitu juga dengan pencapaian output bagi penyewaan premis aset Kerajaan negeri adalah kurang cekap kerana prestasi kutipan sewaan premis bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Julai 2019 adalah tidak memuaskan.


b. Pencapaian *Outcome* – Tahap Kepuasan Pengunjung

DEFM tidak membuat penilaian keberkesanan pengurusan fasiliti aset Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu, edaran soal selidik kepada seramai 200 pengunjung telah dibuat oleh pihak Audit untuk menilai tahap kepuasan pengunjung terhadap kebersihan dan penyediaan kemudahan fasiliti di KGMS, KSSA dan Hotel Carlton. Jenis kemudahan yang disediakan antaranya adalah tempat duduk penonton, *spotlight*, skrin paparan, sistem pembesar suara, tempat letak kereta, papan markah, tandas dan surau. Hasil soal selidik yang diterima daripada seramai 183 (91.5%) pengunjung adalah seperti berikut:

i. Tahap kebersihan KSSA, KGMS dan Hotel Carlton

- seramai 20 (10.9%) pengunjung berpendapat tahap kebersihan adalah sangat memuaskan manakala 159 (86.8%) pengunjung memberi maklum balas ianya memuaskan. Selain itu, terdapat juga empat (4) (2.3%) pengunjung berpendapat tahap kebersihan di KSSA, KGMS dan Hotel Carlton berada di tahap tidak memuaskan. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 3**.


CARTA 3
TAHAP KEPUASAN PENGUNJUNG TERHADAP KEBERSIHAN KSSA, KGMS DAN HOTEL CARLTON



ii. Kemudahan Fasiliti KSSA, KGMS dan Hotel Carlton

- seramai 15 (8.3%) pengunjung berpendapat kemudahan fasiliti yang disediakan di KSSA, KGMS dan Hotel Carlton adalah sangat memuaskan manakala majoriti seramai 162 (88.5%) pengunjung memberikan maklum balas memuaskan. Selain itu, terdapat juga enam (6) (3.2%) pengunjung berpendapat kemudahan fasiliti di Stadium Shah Alam, Stadium Malawati, Stadium Mini dan PADE berada di tahap tidak memuaskan. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 4**.

CARTA 4
TAHAP KEPUASAN PENGUNJUNG TERHADAP FASILITI KSSA, KGMS DAN HOTEL CARLTON



Pada pendapat Audit, tahap kebersihan dan kemudahan fasiliti yang disediakan di KSSA adalah memuaskan.

6.2.2. Pelaksanaan Aktiviti

Aktiviti utama yang dilaksanakan oleh DEFM adalah melaksanakan kerja menaik taraf dan membaik pulih KSSA, menyenggara fasiliti, menguruskan premis termasuk mengutip sewaan premis Kerajaan Negeri Selangor. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Pematuhan Peraturan Perolehan

i. Perolehan Tidak Mengikut Tatacara yang Ditetapkan

- Perkara 5.7.1, Manual Kewangan dan Perakaunan menetapkan pembelian bekalan barang-barang dan perkhidmatan termasuk kerja pembinaan yang berjumlah sehingga RM50,000 hendaklah dipelawa kepada sekurang-kurangnya tiga (3) sebut harga (tawaran kajian pasaran) pembekal yang berlainan. Perkara 5.7.2 pula menetapkan pembelian bekalan barang-barang, perkhidmatan termasuk kerja pembinaan yang jumlahnya melebihi RM50,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga kepada sekurang-kurangnya lima (5) pembekal.
- Semakan Audit mendapati:
 - *lima (5) perolehan pembelian terus yang bernilai antara RM12,910 hingga RM33,319 dibuat tanpa memperoleh tiga (3) sebut harga daripada pembekal yang berlainan;*
 - *lima (5) perolehan perkhidmatan melebihi RM50,000 telah dibuat melalui pembelian terus dan bukan secara sebut harga; dan*
 - *dua (2) kontrak penyenggaraan juga tidak disokong dengan dokumen perolehan yang lengkap.*
- Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PEROLEHAN TIDAK MENGIKUT TATACARA YANG DITETAPKAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JENIS PERKHIDMATAN	TEMPOH BAYARAN	JUMLAH BAYARAN (RM)
1.	Perolehan pembelian terus dibuat tanpa memperoleh 3 sebut harga	Penyenggaraan Lif di Stadium Shah Alam dan Stadium Malawati.	Ogos - April 2019	33,319
		Penyenggaraan Padang Bola Sepak dan Trek Stadium Shah Alam	Jun 2018	14,548
		Penyenggaraan Padang Bola Sepak dan Trek Stadium Shah Alam	Julai 2018	12,910
		Kawalan Keselamatan Premis di KGMS	Januari - April 2019	23,278
		Kawalan Keselamatan Premis di Stadium Mini	Oktober - Disember 2017	17,458
2.	Perolehan perkhidmatan melebihi RM50,000 tidak dilaksanakan secara sebut harga	Penyenggaraan Padang Bola Sepak dan Trek Stadium Shah Alam	Mac - Mei 2018	88,427
		Kawalan Keselamatan Premis di KGMS	Januari 2015 - Disember 2018	235,867
		Kawalan Keselamatan Premis di	Januari 2018 - April 2019	92,122

BIL.	PENEMUAN AUDIT	JENIS PERKHIDMATAN	TEMPOH BAYARAN	JUMLAH BAYARAN (RM)
		Stadium Mini		
		Kawalan Keselamatan Premis di Stadium Shah Alam dan Stadium Malawati, Futsal dan PADE	Mac - Jun 2018	132,565
		Penyenggaraan Sivil	Januari 2018 - Mei 2019	543,351
3.	Dokumen perolehan tidak lengkap (tiada dokumen penyambungan kontrak)	Penyenggaraan Lif di KGMS	April 2017 - Mac 2019	78,350
	Dokumen perolehan tidak lengkap (tiada dokumen proses perolehan yang lengkap disediakan seperti kaedah yang digunakan untuk membuat anggaran harga, daftar sebut harga dan minit mesyuarat Jawatankuasa Perolehan)	Penyenggaraan Padang Bola Sepak dan Trek Stadium Shah Alam	Julai 2018 - Jun 2019	262,134

Sumber: DEFM

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 24 dan 27 September 2019

DEFM sedang dalam proses membuka sebut harga atau tender bagi perkhidmatan tersebut. DEFM akan memastikan proses perolehan dapat diuruskan dengan lebih baik pada masa hadapan dengan pelantikan pegawai Juruukur Bahan serta pelaksanaan SOP yang selaras dengan ISO 9001:2015.

Pada pendapat Audit, aspek pengurusan perolehan yang tidak teratur boleh menyebabkan DEFM tidak mendapat *value for money* bagi perolehan yang dilaksanakan.

ii. Penyenggaraan Fasiliti Tidak Dibuat Secara Berkala

- *Factories and Machinery (Electric Passenger and Goods Lift) Regulations*, 1970 menetapkan pemilik lif perlu memastikan lif disenggara. Pemilik lif perlu membuat perjanjian dengan syarikat pembekal untuk tujuan pemeriksaan dan penyenggaraan secara berkala bagi mematuhi kehendak peraturan tersebut. Lif yang perlu disenggara oleh DEFM adalah di bangunan Hotel Carlton, KGMS, Stadium Shah Alam dan Stadium Malawati.
- Pihak Audit mendapati hanya dua (2) kontrak perkhidmatan penyenggaraan lif secara berkala dibuat iaitu di bangunan Hotel Carlton

dan di KGMS manakala tiada penyenggaraan berkala di Stadium Shah Alam dan Stadium Malawati. Semakan Audit terhadap penyenggaraan lif di Stadium Shah Alam dan Stadium Malawati mendapati perkhidmatan penyenggaraan lif ada dibuat mulai bulan Ogos 2018 selepas kontrak sebelumnya tamat pada Jun 2018. Bagaimanapun, perkhidmatan penyenggaraan tersebut bukan secara berkala tetapi dibuat sekiranya terdapat kerosakan dan tenaga pekerja hanya siap sedia apabila terdapat acara berlangsung.

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 11 Februari 2020

DEFM telah selesai membuat penilaian terhadap kesemua 10 lif di KSSA dan memutuskan untuk melantik kontraktor penyenggaraan bagi lima (5) lif yang kerap digunakan sahaja.

Pada pendapat Audit, aset yang tidak disenggara secara berkala boleh menyebabkan jangka hayat sesuatu aset dan komponennya menjadi pendek dan cepat rosak. Tindakan DEFM untuk melaksanakan kajian menyeluruh terhadap penyenggaraan lif secara berkala adalah baik bagi memastikan keselamatan orang awam terjamin.

b. Pentadbiran Kontrak

i. Kontrak Perjanjian Lewat dan Belum Ditandatangani

- Perenggan 6.8, Manual Kewangan dan Perakaunan Kumpulan Syarikat MSNS Holdings Sdn. Bhd. menetapkan kontrak formal hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh ahli Lembaga Pengarah. Portal Pekeliling Perbendaharaan (PPP) PK4 pula menetapkan tempoh bagi menandatangani dokumen kontrak perjanjian selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SST).
- Semakan Audit mendapati sehingga 9 Ogos 2019, **10 daripada 11 kontrak perjanjian ditandatangani pada 16 Mei 2019 iaitu selepas kerja naik taraf dan baik pulih selesai dilaksanakan.** Kelewatan kontrak perjanjian ditandatangani dari

tarikh SST dikeluarkan adalah antara 178 hingga 266 hari. Semakan Audit selanjutnya sehingga 28 Februari 2020 mendapati **satu (1) daripada 11 kerja tersebut iaitu Kerja Menaik Taraf Sistem Pencegahan Kebakaran dan Mendapatkan Perakuan Bomba masih belum dimeterai dengan kontrak perjanjian melibatkan kelewatan selama 469 hari. Bagaimanapun, bayaran kemajuan kerja bagi kontrak ini telah dibuat sejumlah RM199,200 (40%) daripada keseluruhan harga kontrak berjumlah RM498,000.** Kontrak yang tidak ditandatangani menyebabkan kepentingan DEFM dan Kerajaan Negeri Selangor tidak terjamin dan tindakan tidak dapat diambil terhadap kontraktor sekiranya kerja tidak dilaksanakan seperti yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8
KONTRAK PERJANJIAN LEWAT DAN BELUM DITANDATANGANI**

BIL.	PERIHAL KERJA	TARIKH KERJA SIAP	TARIKH SST	TARIKH KONTRAK SEPATUTNYA DITANDATANGANI (a)	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI (b)	KELEWATAN (Hari) (c = b - a)
1.	Pembaikan dan Ubahsuai Reka bentuk dan Mengindahkan Laluan Utama Pengunjung Kafe, Kawasan Kolam Luar dan Tandas Awam di PADE	Belum Siap	12.07.2018	08.11.2018	16.05.2019	189
2.	Membaiki dan Menaik taraf Tandas Utama Lelaki dan Wanita di PADE	13.12.2018	12.07.2018	08.11.2018	16.05.2019	189
3.	Membaik pulih Sistem Pam Kolam Renang di PADE	01.12.2018	09.07.2018	05.11.2018	16.05.2019	192
4.	Membekal dan Memasang Bumbung Metal Deck, Siling Gutter Gelanggang Futsal di Futsal Extreme Park	17.12.2018	02.07.2018	29.10.2018	16.05.2019	199
5.	Membaik Pulih dan Menaik Taraf Lampu Limpah Padang Bola Sepak di Stadium Mini	23.10.2018	09.07.2018	05.11.2018	16.05.2019	192
6.	Menaik Taraf Sistem Pencegahan Kebakaran dan Mendapatkan Perakuan Bomba FC di Stadium Shah Alam	Belum Siap	20.07.2018	16.11.2018	Belum ditandatangani	469 (sehingga 28.02.2020)
7.	Membaiki dan Menaik taraf Tandas Utama Lelaki dan Wanita (Quadran A dan B) di Stadium Shah Alam	30.10.2018	02.07.2018	29.10.2018	16.05.2019	199
8.	Mengcat Semula Keseluruhan Pagar Perimeter di Stadium Shah Alam	23.10.2018	02.07.2018	29.10.2018	16.05.2019	199
9.	Kerja Mencuci Keseluruhan Permukaan Luar Beam di Stadium Shah Alam	08.10.2018	23.07.2018	19.11.2018	16.05.2019	178
10.	Kerja Pembaikan Kepingan Bumbung Polikarbonat di Stadium Shah Alam	24.09.2018	09.07.2018	05.11.2018	16.05.2019	192
11.	Baik pulih Keseluruhan Sistem Penghawa Dingin Berpusat di Stadium Malawati	08.01.2019	02.07.2018	29.10.2018	16.05.2019	199

Sumber: Kontrak Perjanjian dan SST

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 11 Februari 2020

Kontrak perjanjian lewat ditandatangani kerana DEFM tiada pegawai juruukur bahan/jurutera yang mahir dalam menyediakan kontrak perjanjian semasa kesemua 11 projek naik taraf hendak dilaksanakan. Satu (1) kontrak perjanjian masih belum ditandatangani kerana kontraktor tidak bersetuju untuk memasukkan terma Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) dalam kontrak perjanjian.

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak tidak dirancang dengan teliti dan teratur sebelum kerja menaik taraf dan membaik pulih KSSA dimulakan menyebabkan kepentingan DEFM dan Kerajaan Negeri Selangor tidak terjamin.

- Pekeliling Perbendaharaan (PP) PK4 menetapkan tempoh bagi menandatangani dokumen kontrak perjanjian selewat-selewatnya empat (4) bulan dari tarikh keluarnya SST. Semakan Audit sehingga bulan Februari 2020 terhadap perjanjian sewaan premis dengan DEFM mendapati sebanyak lima (5) perjanjian lewat ditandatangani antara 11 hingga 498 hari. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
DOKUMEN KONTRAK PERJANJIAN SEWAAN YANG LEWAT DITANDATANGANI

BIL.	TEMPAT	LOKASI	TARIKH SST DIKELUARKAN	TARIKH KONTRAK SEPATUTNYA DITANDATANGANI (a)	TARIKH PERJANJIAN (b)	KELEWATAN (Hari) (c = b - a)
1.	Kompleks Generasi Muda dan Belia	Tapak Lapang	13.07.2018	12.11.2018	29.01.2020	442
2.	Stadium Shah Alam	Stor Aras 2, Kuadran A	26.04.2018	25.08.2018	12.07.2019	321
3.	Stadium Mini	Padang Sintetik	18.05.2018	17.04.2018	28.01.2020	498
4.	Tempat Letak Kenderaan	Pameran Kereta	25.04.2018	24.08.2018	30.11.2018	99
5.	PADE	Bilik VIP, Aras G	20.02.2019	19.06.2019	01.07.2019	11

Sumber: Rekod DEFM

TM: Tiada Maklumat

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 11 Februari 2020

Dua (2) daripada lima (5) dokumen kontrak perjanjian yang belum ditandatangani telah siap ditandatangani pada 20 September 2019 dan tiga (3) daripadanya dalam tindakan penyewa untuk ditandatangani.

Pada pendapat Audit, kepentingan DEFM tidak dapat dipelihara sekiranya dokumen kontrak perjanjian tidak atau lewat dimuktamadkan.

ii. Penalty Tidak Dikenakan

- Klausula dalam kontrak perjanjian menetapkan denda ganti rugi sejumlah RM80 sehari sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja bagi kontrak kerja yang berjumlah antara RM200,001 hingga RM500,000.
- Semakan Audit mendapati empat (4) kerja menaik taraf dan membaik pulih KSSA telah lewat disiapkan dari tarikh yang ditetapkan tanpa kelulusan lanjutan masa. Bagaimanapun, tiada Perakuan Sijil Kerja Tidak Siap dikeluarkan. Pihak Audit mendapati pembayaran kemajuan kerja telah dibuat tetapi **tiada penalti dikenakan terhadap kontraktor tersebut sebagai denda lewat siap.** Berdasarkan kepada pengiraan Audit, DEFM sepatutnya mengenakan penalti berjumlah RM25,600 seperti dalam **Jadual 10.**

**JADUAL 10
TIADA PENALTI DIKENAKAN BAGI KERJA LEWAT SIAP**

BIL.	PERIHAL KERJA	NILAI PROJEK (RM Juta)	BAYARAN KEMAJUAN (RM)	TARIKH PATUT SIAP KERJA	TARIKH SEBENAR SIAP KERJA	LEWAT (Hari)	JUMLAH PENALTI SEPATUTNYA DIKENAKAN (RM)
1.	Pembaikan dan Ubahsuai Reka bentuk dan Mengindahkan Laluan Utama Pengunjung Kafe, Kawasan Kolam Luar dan Tandas Awam di PADE	498,800	86,580	27.11.18 (Diluluskan lanjutan masa sehingga 27.01.2019)	*Belum Siap	*194	*15,520
2.	Menaik Taraf Sistem Pencegahan Kebakaran dan Mendapatkan Perakuan Bomba FC di Stadium Shah Alam	498,000	199,200	19.05.19	*Belum Siap	*82	*6,560
3.	Membaiki dan Menaik Taraf Tandas Utama Lelaki dan Wanita (Quadran A dan B) di Stadium Shah Alam	476,775	489,000	18.10.18	30.10.18	12	960
4.	Membaik Pulih dan Menaik Taraf Lampu Limpah Padang Bola Sepak di Stadium Mini	207,734	148,659	22.09.18	23.10.18	32	2,560
JUMLAH							25,600

Sumber: Fail Projek KSSA

Nota: (*) - Sehingga 9 Ogos 2019

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 24 dan 27 September 2019

DEFM akan mengenakan penalti kepada kontraktor melalui bayaran kemajuan kerja. Bagi kontraktor yang telah dibayar sepenuhnya, potongan akan dibuat daripada bon pelaksanaan.

Pada pendapat Audit, aspek pemantauan dan pelaksanaan projek menaik taraf dan membaik pulih KSSA kurang cekap berikutan kelewatan penyiapan projek tanpa kelulusan lanjutan masa. Selain itu, tiada denda kelewatan penyiapan projek dikenakan ke atas kontraktor terlibat.

c. Pengurusan Sewaan Premis

i. Premis Tidak Disewakan

- Polisi 1.1 (SOP/MSNSH/BPH/SW/001/2015) bagi Proses Penyewaan Premis menyatakan proses ini dibuat bagi memastikan Jabatan Pengurusan Harta dapat menjana pendapatan melalui sewaan dengan cekap dan efisien. Premis perniagaan hendaklah disewakan oleh DEFM bagi mendapatkan hasil sewaan dalam memastikan pendapatan dapat dijana daripada aktiviti yang dilaksanakan oleh DEFM. Semakan Audit setakat bulan Julai 2019 mendapati sebanyak dua (2) unit premis tidak disewakan oleh DEFM bagi tempoh 15 hingga 32 bulan. Perkara ini telah menyebabkan DEFM **tidak memperoleh hasil sewaan berjumlah RM1.10 juta sepanjang tempoh kekosongan premis tersebut**. Selain itu, pemeriksaan fizikal pihak Audit bersama pegawai Pengurusan Fasiliti dan Pembangunan Perniagaan pada 20 Jun 2019 di Aras 3, Hotel Carlton mendapati keadaan premis yang tidak disewakan adalah tidak terurus dan kotor. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11, Gambar 1** dan **Gambar 2**.

**JADUAL 11
PREMIS TIDAK DISEWAKAN**

JENIS PREMIS PERNIAGAAN	UNIT KOSONG	SEWAAN SEBULAN (RM/Unit)	TEMPOH KEKOSONGAN (Bulan)	JUMLAH (RM Juta)	SEBAB KEKOSONGAN
Pejabat Aras 3, Hotel Carlton	1	25,200	32	0.81	Penyewa terakhir iaitu MSNS telah berpindah.
Pejabat Aras 4, KGMS	1	19,600	15	0.29	Dahulunya adalah pejabat DEFM
JUMLAH				1.10	

Sumber: Rekod DEFM

GAMBAR 1



GAMBAR 2



Aras 3, Hotel Carlton Holiday
- Keadaan Premis Tidak Disewakan Kotor
(20.06.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 24 dan 27 September 2019

Pihak DEFM telah melantik agen harta tanah untuk mendapatkan penyewa dan tindakan membersihkan premis kotor tersebut telah diambil.

Pada pendapat Audit, DEFM tidak cekap menguruskan premisnya menyebabkannya gagal mendapatkan penyewa dan hasil sewaan yang sepatutnya. Bagaimanapun, tindakan melantik agen harta tanah dan membersihkan premis tersebut adalah baik.

ii. Tunggakan Sewaan Premis

- Mengikut perkara 3 (a) (ii), SOP mengenai proses tuntutan sewa tertunggak menetapkan bayaran sewa premis hendaklah dilakukan sebelum atau pada tujuh hari bulan untuk bulan tersebut. Sehingga bulan Julai 2019, pihak Audit mendapati **tunggakan sewa premis bagi tahun 2019 adalah berjumlah RM1.69 juta**. Analisis Audit mendapati **sejumlah RM0.55 juta tunggakan berusia antara satu (1) hingga enam (6) bulan, RM0.15 juta tunggakan berusia antara tujuh (7) hingga 12 bulan dan RM0.99 juta tunggakan berusia melebihi 12 bulan**. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PENGUMURAN TUNGGAKAN SEWA PREMIS
BAGI TAHUN 2019 (SEHINGGA 31 JULAI)

PENGUMURAN (Bulan)	BIL. PENYEWA	JUMLAH TUNGGAKAN SEWA (RM Juta)
1 - 6	27	0.55
7 - 12	4	0.15
Melebihi 12 bulan	3	0.99
JUMLAH	34	1.69

Sumber: DEFM

- Mesyuarat Pengurusan DEFM Bil. 3 Tahun 2018 bertarikh 19 Oktober 2018 memutuskan dengan pengambilalihan KSSA daripada MBSA mulai 1 Januari 2018, DEFM perlu menyediakan perjanjian *novation* bagi tiga (3) perjanjian sewaan yang masih berkuat kuasa antara MBSA dengan penyewa. Analisis Audit mendapati tempoh tunggakan tertinggi adalah sehingga 19 bulan yang berjumlah RM0.81 juta manakala tempoh tunggakan kedua tertinggi ialah selama 16 bulan yang berjumlah RM147,377. Tunggakan ini berlaku kerana penyewa enggan membayar sewa sehingga perjanjian *novation* dan perjanjian penyewaan dimuktamadkan.

Maklum Balas DEFM yang Diterima pada 11 Februari 2020

Perjanjian *novation* dan perjanjian penyewaan telah dimuktamadkan dan sedang dalam usaha mendapatkan bayaran tunggakan daripada penyewa tersebut.

Pada pendapat Audit, DEFM tidak cekap menguruskan kutipan sewaan premisnya. Kegagalan menyempurnakan *novation agreement* dan perjanjian penyewaan telah menyebabkan masalah tunggakan sewa terus meningkat.

- Mengikut rekod DEFM, tapak pasar Bazarena dibuka setiap hari Ahad dan boleh menempatkan sebanyak 492 penyewa tapak. Tapak pasar Bazarena ini terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu tapak pasar Bazarena Kekal dan Bazarena Promosi. Tapak Pasar Bazarena Kekal melibatkan penyewa yang sama setiap bulan dengan cara penyewaan mengikut suku tahun manakala tapak pasar Bazarena Promosi melibatkan penyewa berlainan setiap bulan dengan cara penyewaan secara

bulanan. Semakan Audit terhadap rekod kutipan sewaan tapak pasar Bazarena Kekal dan Bazarena Promosi mendapati ***DEFM mempunyai tuggakan sewaan daripada penyewa tapak pasar Bazarena Kekal sejumlah RM30,300 bagi tempoh tahun 2018 sehingga bulan Jun 2019.*** Maklumat lanjut tunggakan sewaan tapak pasar Bazarena adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
TUNGGAKAN SEWA TAPAK PASAR BAZARENA KEKAL

BIL.	BULAN	BILANGAN TAPAK	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
2018			
1.	Januari – Mac	5	750
2.	April – Jun	4	600
3.	Julai – September	12	1,800
4.	Oktober – Disember	4	600
2019			
1.	Januari – Mac	20	3,000
2.	April – Jun	157	23,550
JUMLAH		202	30,300

Sumber: Rekod DEFM

Maklum Balas DEFM yang diterima pada 24 dan 27 September 2019

Mulai bulan September 2018, DEFM telah memulakan proses pemutihan yang mana hanya peniaga yang tiada tunggakan dan menerima tawaran rasmi daripada DEFM sahaja dibenarkan bermula. Pembaharuan tawaran hanya diberikan selepas semua bayaran tahunan dilunaskan sebelum 31 Disember 2019.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap bayaran sewaan tapak Bazarena adalah lemah sehingga menyebabkan jumlah tunggakan sewaan yang tinggi. Bagaimanapun, tindakan DEFM melaksanakan proses pemutihan terhadap peniaga yang mempunyai tunggakan adalah wajar dalam memastikan tiada lagi masalah tunggakan pada masa akan datang.

d. Pematuhan Spesifikasi Kerja

i. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

- ***Kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak mengikut spesifikasi seperti ditetapkan dalam Bill of Quantities (BQ)***

yang melibatkan lima (5) ketidakpatuhan spesifikasi.

Semakan lanjut mendapati tiada potongan bayaran dibuat bagi ketidakpatuhan tersebut yang berjumlah RM27,350. Butiran sebahagian daripada ketidakpatuhan seperti dalam **Jadual 14** dan **Gambar 3** hingga **Gambar 9**.

JADUAL 14
KERJA TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

BIL.	LOKASI	PERIHAL KERJA	PENEMUAN AUDIT	JUMLAH (RM)
1.	Tingkat 3 Tandas B2.149 dan B2.156, Stadium Shah Alam	Menanggalkan 1 x 4 lampu sedia ada dan menggantikan dengan lampu 1 x 4 yang baru.	Pemasangan tidak sempurna yang mana lampu tidak dilengkapi penutup <i>aluminium louvers</i> , senget dan melentur.	2,100
2.	Tandas Aras 1 dan Aras 3, Stadium Shah Alam	Memeriksa dan menggantikan bahagian yang rosak pada <i>Distribution Board</i> (DB) termasuk kerja <i>testing and commissioning</i> .	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada laporan <i>testing and commissioning</i>. • Keadaan <i>Distribution Board</i> (DB) yang tidak disenggara dan terdapat bahagian sistem yang tidak digunakan tetapi tidak diasingkan daripada punca elektrik. • Kabel terdedah dan berselirat. • Keseluruhan Tandas A2.011 tiada bekalan elektrik. 	12,000
3.	Tandas Aras 3, Stadium Shah Alam	Memeriksa dan menggantikan bahagian yang rosak pada <i>Distribution Board</i> (DB) termasuk kerja <i>testing and commissioning</i> .	<p>Pemasangan dan pengendalian elektrik di DB:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sambungan kabel longgar. • DB tidak boleh ditutup kerana terdapat halangan. • Terdapat bahagian sistem yang tidak digunakan tetapi tidak diasingkan daripada punca elektrik. • Tiada gambarajah skematik dalam papan agihan. 	8,500
4.	Laluan Masuk Kompleks Futsal <i>Extreme Park</i>	Kerja-kerja pendawaian semula untuk lampu Bahagian Laluan Masuk, menggantikan lampu yang rosak serta kerja berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada laporan <i>testing and commissioning</i>. • Semua lampu tidak menyala. • Keadaan DB yang tidak disenggara dan terdapat komponen tidak berfungsi. • Kabel terdedah dan konduit dipasang tanpa aksesori yang lengkap. 	3,000
5.	Kafeteria PADE	Membekal dan memasang DB baru di kawasan kedai baru.	Kepakaan peranti arus bocor ke bumi 0.1 A/100 milliampere digunakan bagi litar soket.	1,750
JUMLAH				27,350


Sumber: Pemeriksaan Fizikal Audit dan Laporan Teknikal oleh Bahagian Teknikal

GAMBAR 3



Tandas Aras 3: B2.149 Stadium Shah Alam
- Pemasangan Lampu Tanpa Dilengkapi Penutup
Aluminium Louvers, Senget dan Melentur/Melentur
(25.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Tandas Level 1, Stadium Shah Alam
- Keadaan DB yang Tidak Diselenggara
(25.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 5




PADE, Kafeteria 2 & 3

- Kepekaan Peranti Arus Bocor ke Bumi 0.1 A/100 milliampercara Digunakan Bagi Litar Soket
(26.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



GAMBAR 7



Stadium Shah Alam

- Pemasangan dan Pengendalian Elektrik Bahaya dan Tidak Sempurna
(31.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



GAMBAR 9



Kompleks Futsal *Extreme Park*
- Distribution Board yang Tidak Berfungsi Semasa Pengauditan
(26.07.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Kompleks Futsal *Extreme Park*
- Kabel Terdedah dan Konduit Dipasang Tanpa Aksesori yang Lengkap
(26.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Pihak Audit mendapati ***bayaran yang dibuat bagi kerja yang tidak mengikut spesifikasi merupakan salah satu improper payment.*** Kerja yang tidak dilaksanakan dengan sempurna boleh menyebabkan risiko bahaya kepada keselamatan orang awam dan pengguna premis.

Maklum Balas DEFM yang diterima pada 24 dan 27 September 2019

DEFM telah mengeluarkan Senarai Kecacatan kepada kontraktor pada 29 Julai 2019 dan kerja menanggalkan pemegang tisu tandas telah dilaksanakan. Surat peringatan dan Senarai Kecacatan telah dikeluarkan kepada kontraktor bagi melaksanakan semula kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan dijangka kerja akan siap dilaksanakan pada bulan Oktober 2019.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam aspek pemantauan terhadap kerja menaik taraf boleh merugikan syarikat. Selain itu, pembayaran bagi bekalan dan kerja yang tidak mengikut spesifikasi dan tidak disempurnakan adalah tidak teratur.

- Pihak Audit mendapati kontrak kerja pembersihan di seluruh kawasan Stadium Shah Alam telah tamat pada bulan Jun 2019 dan tiada kontrak baharu diadakan. Pemeriksaan fizikal Audit yang dijalankan antara 25 dan 31 Julai 2019 mendapati perkara berikut:
 - tandas utama lelaki dan wanita tingkat 3 Stadium Shah Alam dalam keadaan kotor dan bersawang adalah seperti dalam **Gambar 10** hingga **Gambar 12**;
 - lantai bilik wuduk surau awam wanita Stadium Shah Alam dalam keadaan kotor adalah seperti dalam **Gambar 13**; dan
 - bilik persalinan tingkat bawah Stadium Shah Alam dalam keadaan kotor adalah seperti dalam **Gambar 14** hingga **Gambar 17**.

GAMBAR 10



Stadium Shah Alam, Tandas Tingkat 3
- Tandas Tidak Dibersihkan
(25.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)


GAMBAR 11



Stadium Shah Alam, Tandas Tingkat 3
- Air Ditandas Dibiarkan Melimpah
(25.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12

Stadium Shah Alam, Tandas Tingkat 3
- Paip Rosak dan Air Sentiasa Mengalir
(25.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 13

Stadium Shah Alam, Surau Tingkat 1
- Tempat Ambil Wuduk Tidak Dibersihkan
(31.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14

Stadium Shah Alam, Bilik Persalinan Tingkat Bawah
- Keadaan Singki yang Tidak Dibersihkan
(31.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 15**GAMBAR 16**

Stadium Shah Alam, Bilik Persalinan Tingkat Bawah
- Keadaan Bilik yang Tidak Dibersihkan
(31.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17

Maklum Balas DEFM yang diterima pada 24 dan 27 September 2019

Keadaan tersebut berlaku dalam tempoh tiada kontrak baharu untuk kerja pembersihan. Kontraktor baharu telah dilantik pada bulan September 2019 dan telah mengambil tindakan membersihkan kesemua lokasi yang tidak dibersihkan sebelum ini.

Pada pendapat Audit, DEFM tidak melaksanakan pelantikan kontraktor bagi kerja pembersihan secara terancang yang menyebabkan seluruh kawasan stadium tidak dibersihkan.

6.3. Kedudukan Kewangan

6.3.1. Analisis terhadap kedudukan kewangan syarikat DEFM bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan, dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti dalam **Jadual 15.**

**JADUAL 15
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018**

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
Pendapatan	4.20	3.23	9.03
Pendapatan Lain	1.88	0.20	8.02
JUMLAH PENDAPATAN	6.08	3.43	17.05
Kos Belanja Promosi	(2.08)	(2.23)	(11.15)
Belanja Pentadbiran dan Belanja Operasi	(3.34)	(1.74)	(3.15)
JUMLAH PERBELANJAAN	(5.42)	(3.97)	(14.30)
LEBIHAN/(KURANGAN) SEBELUM CUKAI	0.66	(0.54)	2.75
Cukai dan Dividen	(0.23)	(0.08)	0.00
LEBIHAN/(KURANGAN) SELEPAS CUKAI	0.43	(0.62)	2.75
LEBIHAN/(KURANGAN) TERKUMPUL	1.02	0.40	3.15
JUMLAH ASET	4.74	4.13	12.13
JUMLAH LIABILITI	2.72	2.73	7.98
JUMLAH EKUITI	2.02	1.40	4.15
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	4.74	4.13	12.13
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	1.55	0.87	7.13

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2016 hingga 2018

6.3.2. Pendapatan utama DEFM terdiri daripada hasil kutipan sewaan premis milik Kerajaan negeri dan MBI. Selain itu, DEFM juga menerima pendapatan lain iaitu geran daripada Kerajaan Negeri Selangor, faedah dan dividen. Analisis Audit mendapati jumlah pendapatan pada tahun 2017 menurun daripada RM6.08 juta kepada RM3.43 juta (43.6%) dan seterusnya meningkat pada tahun 2018 kepada RM17.05 juta (397.1%). Trend penurunan dan peningkatan yang berlaku pada tahun 2017 dan 2018 adalah disebabkan pengurangan dan penambahan geran yang diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor dan hasil kutipan sewaan premis. Trend

pendapatan bagi tiga (3) tahun berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 15** dan **Carta 5**.


6.3.3. Perbelanjaan DEFM pula terdiri daripada kos perbelanjaan promosi jualan, belanja operasi dan belanja pentadbiran. Analisis Audit mendapati jumlah perbelanjaan menunjukkan trend penurunan dan peningkatan di mana jumlah perbelanjaan pada tahun 2017 menurun kepada RM3.97 juta (26.8%) berbanding RM5.42 juta pada tahun 2016. Bagaimanapun, jumlah perbelanjaan ini meningkat kepada RM14.30 juta (260.2%) pada tahun 2018. Trend perbelanjaan bagi tiga (3) tahun berkaitan adalah seperti dalam **Jadual 15** dan **Carta 5**.

6.3.4 Analisis trend untung rugi menunjukkan DEFM mengalami kurangan sebelum cukai berjumlah RM0.54 juta pada tahun 2017 berbanding lebihan sebelum cukai berjumlah RM0.66 juta dan RM2.75 juta pada tahun 2016 dan 2018. Pada tahun 2018, DEFM mencatat lebihan sebelum cukai yang tinggi kerana DEFM menerima geran daripada Kerajaan negeri berjumlah RM9.16 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15** dan **Carta 6**.

CARTA 5
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018



CARTA 6
TREND LEBIHAN/KURANGAN SEBELUM
CUKAI SERTA LEBIHAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2016 hingga 2018

6.3.5. DEFM mempunyai sumber dana yang mencukupi bagi memenuhi obligasi dengan jumlah aset melebihi jumlah liabiliti sepanjang tempoh tiga (3) tahun. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset ialah baki tunai di tangan dan di bank yang berjumlah RM0.87 juta dan RM7.13 juta masing-masing bagi tahun 2017 dan 2018. Selain itu, tahap kecairan aset semasa berbanding liabiliti semasa pada kadar 2.1:1 pada tahun 2016, 2.2:1 pada tahun 2017 dan 1.6:1 pada tahun 2018 menunjukkan syarikat berupaya membayar liabiliti semasanya pada bila-bila masa. Aset DEFM bagi tahun 2017 menurun sejumlah RM0.61 juta (12.9%)

berbanding tahun 2016 dan peningkatan sejumlah RM8 juta (193.7%) pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Peningkatan yang ketara bagi liabiliti adalah pada tahun 2018 iaitu sejumlah RM5.25 juta (192.3%) berbanding pada tahun 2017. Hal ini adalah disebabkan DEFM menerima geran daripada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2018 untuk menaik taraf KSSA.

6.3.6. Analisis Audit mendapati aliran tunai dan kesetaraan tunai DEFM adalah berbaki positif bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Secara keseluruhannya, tunai dan kesetaraan tunai DEFM adalah menurun pada tahun 2017 berjumlah RM0.87 juta berbanding RM1.55 juta pada akhir tahun 2016 dan seterusnya peningkatan yang ketara pada tahun 2018 yang berjumlah RM7.13 juta.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan DEFM bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah kukuh.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama dan kedudukan kewangan dapat dirumuskan objektif penubuhan DEFM tidak tercapai sepenuhnya. Secara umumnya, aspek tadbir urus korporat DEFM adalah kurang memuaskan dan beberapa penambahbaikan diperlukan selaras dengan amalan terbaik korporat. Berdasarkan aktiviti utama yang dipilih, pencapaian output dari segi bilangan projek kerja menaik taraf dan membaik pulih KSSA adalah kurang memuaskan kerana terdapat dua (2) projek yang masih belum siap dilaksanakan. Pencapaian output bagi pengurusan premis aset Kerajaan negeri juga kurang memuaskan kerana kutipan sebenar sewaan premis adalah rendah berbanding sasaran. Bagi pencapaian *outcome* pula, keberkesanan kebersihan dan kemudahan KSSA, KGMS dan Hotel Carlton yang disediakan adalah memuaskan berdasarkan maklum balas soal selidik yang diedarkan kepada pengunjung. Kedudukan kewangan DEFM pula berada pada tahap kukuh dengan merekodkan aliran tunai dan kesetaraan tunai berbaki positif bagi tempoh tiga tahun berturut-turut.

8. SYOR AUDIT

Bagi membolehkan objektif penubuhan DEFM dicapai serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah DEFM perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan

dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat mempertimbangkan perkara seperti berikut:

- 8.1. mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat antaranya dengan mewujudkan Piagam Lembaga Pengarah serta Kod Tatalaku dan Etika Syarikat, Setiausaha Syarikat memainkan peranan dengan berkesan, mengemas kini SOP dan membentangkan prestasi pencapaian strategik kepada Lembaga Pengarah;
- 8.2. meningkatkan pemantauan dan pematuhan terhadap kawalan dalaman penerimaan wang;
- 8.3. menyusun strategi bagi memastikan pencapaian output aktiviti dapat dicapai;
- 8.4. memastikan proses perolehan dibuat mengikut tatacara dan kontrak perjanjian ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh SST dikeluarkan dan memastikan perkhidmatan penyenggaraan lif dibuat secara berkala; dan
- 8.5. memantapkan pemantauan terhadap semua kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan mengenakan tindakan penalti sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kerja seperti yang ditetapkan.

PENUTUP

PENUTUP

1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan dalam pelaksanaan program/projek/aktiviti kerajaan. Kelemahan ini menyebabkan objektif pelaksanaan program/projek/aktiviti tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Namun begitu, pihak jabatan dan syarikat kerajaan yang terlibat telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran audit yang dibangkitkan dalam LKAN Siri 3 ini. Sebagai rumusan, empat (4) cadangan utama telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:
 - a. Aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan pelaksana, kontraktor dan vendor. Manakala bagi aktiviti operasi yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang, aspek penguatkuasaan perlu diberi penekanan untuk meningkatkan tahap pematuhan.
 - b. Jabatan dan syarikat Kerajaan negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal/Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
 - c. Aspek latihan juga perlu diberi perhatian kepada setiap peringkat pegawai/kakitangan bagi meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam pengurusan dan pelaksanaan program/projek/aktiviti kerajaan serta pengurusan syarikat kerajaan.
 - d. Agensi Kerajaan Negeri dan Lembaga Pengarah syarikat perlu memantau aktiviti syarikat kerajaan untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.
2. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
14 Mei 2020**



AKRONIM

AKRONIM

ALOP	<i>Ampang Look Out Point</i>
BCC	<i>Boustead Cruise Center</i>
BQ	<i>Bill of Quantities</i>
CPR	<i>Congkak Park & Resort</i>
DB	<i>Distribution Board</i>
DEFM	Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd.
ETW	<i>Eat Travel Write-Selangor International Culinary Adventure</i>
Fam Tour	<i>Familiarisation Tour</i>
HLK	Hutan Lipur Kanching
INTOSAI	<i>The International Organisation of Supreme Audit Institutions</i>
JAN	Jabatan Audit Negara
KGMS	Kompleks Generasi Muda dan Sukan
KLIA	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
KSSA	Kompleks Sukan Shah Alam
LAD	Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan
LAD	Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
MBI	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)
MBI	Menteri Besar Selangor Incorporated
MBSA	Majlis Bandaraya Shah Alam
MCCG	<i>Malaysian Code on Corporate Governance</i>
MDHS	Majlis Daerah Hulu Selangor
MDKL	Majlis Daerah Kuala Langat
MDKS	Majlis Daerah Kuala Selangor
MMKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
MPK	Majlis Perbandaran Klang
MPKj	Majlis Perbandaran Kajang
PADE	Pusat Akuatik Darul Ehsan
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PIP	Pelan Induk Pelancongan
PKPS	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor
PPP	Portal Pekeliling Perbendaharaan
PPSUK	Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
RMK-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
RRSB	Rumah Rehat Sri Berkat
SOP	<i>Standard Operating Procedures</i>
SPBT	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan
SST	Surat Setuju Terima

TIC	Kaunter Informasi Pelancongan
TSSB	Tourism Selangor Sdn. Bhd.
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2020
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara
Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya, Malaysia
www.audit.gov.my